

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"SEJARAH negara kita yang panjang telah membuktikan, bahawa orang-orang Brunei itu semenjak zaman-zaman lagi, telah berjaya menjalani kehidupan yang bahagia di bawah payung keamanan dan prinsip hormat-menghormati. — Titah sempena Hari Keputeraan baginda Ke-47 tahun bertempai di Balai Singahsana, Istana Nurul Iman pada 15 Julai, 1993.



قلميتا بروني

Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

مايسن ايمان

MANISNYA IMAN

"BUKANKAH manusia itu dilahirkan ke dalam api neraka menerusi wajah mereka ataupun hidung mereka disebabkan bencana lidah mereka sendiri." — Maksud hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

TAHUN 41 BILANGAN 15

RABU 10 APRIL, 1996

رابع 21 ذوالقعدة، 1416

PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tony Tan Keng Yam di Istana Nurul Iman.

Menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Singapura

Oleh
Haji Ahmad HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 April. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tony Tan Keng Yam di Istana Nurul Iman di sini.

Tuan Yang Terutama di majlis mengadap itu disertai oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria, selaku Menteri Pengiring dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Anthony Chng.

Lawatan Tuan Yang Terutama dan rombongan ke negara ini adalah bertujuan bagi mengeratkan lagi hubungan baik dan kerjasama yang telah lama wujud di antara kedua negara.

Hadir sama dalam majlis mengadap itu ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri, merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam

Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin dan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran) Kementerian Pertahanan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman.

Menerima mengadap

Oleh
Aliddin HM
dan
Sahari Akim

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 April. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan menerima mengadap isteri Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Bagi Pertahanan Republik Singapura, Puan Mary Chee Bee Kiang.

Majlis mengadap berlangsung berasingan di Istana Nurul Iman dan di Istana Nurul Izzah.

Puan Mary Chee Bee Kiang di majlis itu diiringi oleh isteri Menteri Perhubungan Negara Brunei Darussalam, Datin Paduka Dayang Hajjah Jusnani dan isteri Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke negara ini, Puan Helen Chng.

Hadir sama ialah Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajjah Dayang Rosnah.

Juga hadir ialah isteri Penasihat Tentera Republik Singapura ke negara ini Puan Lau dan isteri Penasihat Pertahanan Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Dayang Asmah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri juga berkenan menerima cenderamata dari Puan Mary.

Kenalkan identiti orang Melayu Brunei dalam dunia perniagaan, perdagangan

Oleh
Bolhassan HAB

BERAKAS, 30 Mac. — Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz berkata, Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei merupakan pendudukan malah tanggung kepada perjuangan dalam perniagaan dan perdagangan orang Melayu Brunei.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat berharap dewan itu akan merangka hal-hal perdagangan dan perniagaan bagi memajukan masyarakat Melayu Brunei yang bukan hanya kepada perkara ideal dan aspirasi tinggi tetapi juga kepada perkara-perkara yang praktikal dan pragmatik, sama ada untuk jangka pendek mahupun jangka panjang.

"Kerangka yang saya maksudkan ialah strategi perdagangan dan perniagaan dan 'blue-print' ekonomi orang Melayu Brunei keseluruhannya yang menggembleng tenaga bukan setakat penyertaan dalam ekonomi global, malah adalah sama penting juga untuk meningkatkan daya mutu, daya tahan dan daya saing pertumbuhan perdagangan dan perniagaan dalam negara

sendiri bagi mengenalkan kewibawaan dan identiti orang Melayu Brunei dalam dunia perniagaan dan perdagangan," jelas Yang Berhormat di Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Agung Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei (DPPMB) Kali Ke-30 dan Ke-31 di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Yang Berhormat seterusnya berkata, penyertaan para peniaga dan pengusaha tempatan baru-baru ini dalam kumpulan-kumpulan ekonomi dan perdagangan seperti BIMP-EAGA akan memberi peluang masyarakat peniaga Melayu Brunei melalui DPPMB untuk menyertai dalam bidang-bidang perdagangan dan perniagaan yang membolehkan pertumbuhan dan peningkatan ekonomi negara.

Tambah Yang Berhormat, senario perdagangan dan perniagaan dalam negeri dalam konteks meningkat daya usaha dan pertumbuhan ekonomi masyarakat Melayu

Brunei pada masa ini adalah dalam keadaan buntu.

"Ini mungkin disebabkan suasana yang sekarang ini tidak dapat membentuk pola fikir dan tindak-tanduk keter-

bukaan dan keadaan ini tidak mungkin dapat disesuaikan dalam sekelip mata," tegas Yang Berhormat.

Lihat muka 16

Nilai-nilai tradisional penting dalam hadapi pengaruh asing

Oleh
Mahari Hj. Ismail

SINGAPURA. — Kemajuan dan perkembangan dalam teknologi maklumat terutama Internet dan dalam teknologi penyiaran terutama sekali televisyen global dan satelit telah membolehkan semakin ramai orang memanfaatkan media massa. Tetapi dalam masa yang sama juga perkembangan dan kemajuan itu telah menyebabkan semakin terdedahnya mereka kepada pengaruh-pengaruh yang terkandung atau yang disampaikan melalui media massa.

Perkara ini telah dinyatakan oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang

Menurut Yang Berhormat, dalam hubungan ini, adalah menjadi hasrat kebanyakan negara terutama sekali negara-negara membangun agar segala kemajuan teknologi dalam bidang-bidang tersebut akan dapat membantu ke arah pencapaian

aspirasi dan matlamat negara seperti pembangunan nasional, perpaduan rakyat dan kestabilan negara.

Seterusnya Yang Berhormat menekankan bahawa dalam menghadapi pengaruh asing yang terkandung dalam media massa, Internet dan penyiaran televisyen secara global itu, adalah penting bagi kita berpegang teguh kepada ajaran-ajaran agama dan nilai-nilai tradisional yang mana telah dapat mempertahankan masyarakat di rantau Asia Tenggara ini dari serangan pengaruh asing dalam zaman lampau.

Yang Berhormat juga menekankan bahawa penghapuran negara-negara membangun adalah terletak

Lihat muka 16



Pelita Brunei

10 APRIL, 1996 BERSAMAAN 1416 ذوالقعدة 1416

دغن نام الله يغمها
فموره دان مها فبايغ

KEMAJUAN DALAM INDUSTRI MINYAK DAN GAS

INDUSTRI minyak dan gas adalah satu-satunya industri yang sudah lama bertapak di Negara Brunei Darussalam dan merupakan sebagai penyumbang utama kepada ekonomi negara.

Dasar 'market responsive pricing' dalam perniagaan minyak mentah kita mempengaruhi dalam mempromosikan penjualan secara 'term contract' kerana dengan menggunakan kaedah ini eksport minyak dan hasil ke negara-negara Asia dalam tahun 1995 adalah berjumlah kira-kira 168,000 tong sehari.

Manakala itu perniagaan gas kita terus berjalan dengan baik dengan Brunei LNG memuatkan jumlah kargo yang terbanyak dalam sejarahnya. Dari segi jumlah, penjualan gas keseluruhannya ialah 6.2 juta tan setahun. Selain daripada penjualan kepada pembeli-pembeli Jepun, kira-kira 11 peratus daripada jualan tersebut telah dijual ke Korea Selatan.

Memandangkan penghasilan minyak dan gas adalah terhad maka kita perlu menggunakan aset-aset yang kita punyai dengan cara yang paling baik kerana itu kajian-kajian ke atas penggunaan lain bagi gas telah dilakukan termasuklah kemungkinan menghasilkan 'urea' dan 'methanol' sebagai industri hiliran yang akan memberi faedah sampingan yang akan mendatangkan keuntungan kepada negara sama ada dalam bidang sosial mahupun ekonomi.

Kajian juga sedang dijalankan bagi kemungkinan membina sebuah kilang penapisan minyak mentah yang berorientasikan eksport di mana sebahagian hasil minyak mentah negara kita akan diproses di dalam negeri dan hasil-hasil daripada perkilangan tersebut dipasarkan di dalam dan luar negara.

Manakala itu peniadaan Jadual 2 dan 3 yang berkaitan dengan pemberian hak mencari minyak secara konsesi seperti yang dipinda pada tahun 1992 dalam Akta Perlombongan Minyak telah membuka ruang bagi mengembangkan usaha eksplorasi dan pengeluaran minyak di masa akan datang dan ke arah ini sebuah jawatankuasa telah pun ditubuhkan bagi menyemak semula rangka kontrak pembahagian penghasilan bagi kemungkinan menggunakan sistem 'Production Sharing Contract'.

Dalam pada itu pertambahan bilangan anak-anak tempatan di semua peringkat Syarikat-syarikat Brunei Shell berbanding dengan peratus jumlah bilangan pegawai dan kakitangan luar membuktikan keupayaan dan kemampuan rakyat Brunei mengambil alih kerja-kerja yang kebanyakan berasaskan teknikal daripada orang-orang asing.

Di samping itu persefahaman yang sedia ada antara kerajaan, baik melalui Unit Petroleum, Jabatan Perdana Menteri mahupun lain-lain agensi kerajaan dengan Syarikat-syarikat Brunei Shell yang mengutamakan kepentingan bersama kita 'common interest' banyak berfungsi dalam kesinambungan dan perkembangan yang berterusan bagi industri minyak dan gas.

Kesimpulannya, kemajuan-kemajuan yang dicapai dalam industri minyak dan gas negara selama ini menjurus ke arah semangat kebruneian iaitu 'Bruneianisation' di dalam Brunei Shell di mana ianya wajar diberikan tempat yang utama dalam senarai keutamaan syarikat. Dalam hal ini kita rakamkan penghargaan atas komitmen yang kuat serta dedikasi yang ditunjukkan oleh kakitangan, pegawai dan pihak pengurusan Syarikat-syarikat Minyak Shell dan juga Unit Petroleum, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Bismillahir Rahmanir
Rahim

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh.

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan kurnia-Nya jua kita dapat bersama-sama menghadirkan diri dan berkumpul pada hari ini untuk menayakan usaha yang penuh berkebakikan ini, iaitu Majlis Persidangan Penggunaan Teknologi Maklumat Dalam Industri Pembinaan.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Kementerian Pembangunan dan Infosys selaku penyelaras majlis ini di atas penghormatan yang telah diberikan kepada saya selaku tetamu kehormat pada majlis di pagi ini. Semoga usaha yang berkebakikan ini akan mendapat rahmat serta taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wataala jua.

Penggunaan komputer, satelit, televisyen, faks, telefon, 'microdips', 'fibre optic' dan alat-alat penghubung yang lain telah membolehkan teknologi maklumat berkembang dengan pesat dan luasnya seperti yang terdapat pada masa ini dan merupakan industri yang begitu cepat berkembang. Ini bukan saja membolehkan kita menyimpan maklumat yang begitu banyak bahkan juga membolehkan kita membiasakan diri untuk mendapatkan maklumat dengan begitu cepat. Ternyata pada masa ini tiada terdapat sebarang halangan untuk mendapatkan maklumat tersebut.

Dengan terdapatnya alat-alat penghubung yang canggih ini terdapat banyak maklumat yang berupa antarabangsa yang boleh kita peroleh umpamanya melalui peti televisyen dan lain-lain media dan juga Internet, sedangkan maklumat tempatan pula perlu dikumpul, diproses dan di-



UCAPAN Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit sempena perasmian Persidangan Penggunaan Teknologi Maklumat Di Dalam Industri Pembinaan atau 'Use of Information Technology In The Construction Industry' pada 26 Mac, 1996 bertempat di Centrepoint, Gadong, Negara Brunei Darussalam.

simpan sebelum ianya dapat dihubungkan.

Teknologi maklumat bukan saja boleh digunakan dalam industri hiburan bahkan pada masa ini ianya merangkumi kepada bidang:

- Perniagaan.
- Pelajaran.
- Perubatan.
- Kerajaan.
- Dalam dunia saintifik termasuk industri pembinaan.

'Contribution' teknologi maklumat dalam bidang ini bukan sahaja terhad kepada menyediakan maklumat, data dan informasi yang cepat bahkan boleh membantu:

- Meningkatkan 'efisiensi' dan produktiviti.
- Meningkatkan taraf kualiti perkhidmatan.
- Meningkatkan mutu 'decision making'.

Berdasarkan kepada sebab-sebab tersebut industri pembinaan kita mestilah mengambil peluang dan kesempatan melalui teknologi maklumat ini. Teknologi maklumat boleh membantu kita dalam membuat perancangan, pengurusan projek dan kerja-kerja rekabentuk yang lebih efisien dan produktif.

Bagi membolehkan kita mengambil 'full advantage' terhadap teknologi maklumat ini, kita bukan saja perlu berpeluang untuk mendapat dan menggunakan data yang terdapat di-

seluruh dunia bahkan juga kita perlu dapat menyediakan data yang terdapat di negara ini. Semua ini menghendaki kerja-kerja yang banyak dan menghendaki tenaga yang terlatih untuk mengambil data dan menyusunnnya dengan sempurna.

Semua pihak dalam industri pembinaan hendaklah menyatukan 'resources' bersama dan bekerjasama bagi menyediakan satu set agenda bagaimana untuk 'mengintegrate' teknologi maklumat ke dalam industri pembinaan di negara kita untuk kegunaan dan faedah bersama supaya industri pembinaan akan dapat berkembang dengan lebih cepat dan meluasnya.

Sebagai penutup, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada jawatankuasa dan pihak-pihak lain yang turut ter-

BERDASARKAN kepada sebab-sebab tersebut industri pembinaan kita mestilah mengambil peluang dan kesempatan melalui teknologi maklumat ini. Teknologi maklumat boleh membantu kita dalam membuat perancangan, pengurusan projek dan kerja-kerja rekabentuk yang lebih efisien dan produktif.

libat menyumbangkan tenaga dan fikiran kerana berjaya mengukuhkan majlis ini. Semoga usaha yang berkebakikan ini akan mendapat rahmat serta taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wataala jua.

Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wataala dan dengan melafazkan kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim' serta selawat dan salam untuk junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan sukacita merasmikan 'Majlis Persidangan Penggunaan Teknologi Maklumat Dalam Industri Maklumat' pada hari ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

SEMUA pihak dalam industri pembinaan hendaklah menyatukan 'resources' bersama dan bekerjasama bagi menyediakan satu set agenda bagaimana untuk 'mengintegrate' teknologi maklumat ke dalam industri pembinaan di negara kita untuk kegunaan dan faedah bersama supaya industri pembinaan akan dapat berkembang dengan lebih cepat dan meluasnya.



PERTUKARAN ANTARA PEGAWAI PENERANGAN BRUNEI—INDONESIA TERUS DIADAKAN

Oleh
Zubaidah HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Mac. — Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman berkata Memorandum Persefahaman di Bidang Penyiaran dan Penerangan yang ditandatangani antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia lima tahun yang lalu telah berjalan dengan baik.

Negara Brunei Darussalam sendiri, jelasnya akan cuba memanfaatkan sebaik-baiknya semua rangka kerjasama di antara kedua buah negara itu dan akan terus mengadakan pertukaran dan kunjungan di kalangan pegawai dan kakitangan penerangan di kedua buah negara.

Yang Dimuliakan menjelaskan demikian ketika mengalu-alukan kunjungan hormat lima orang rombongan pegawai-pegawai penerangan

dari Republik Indonesia di Bangunan Sekretariat di sini Selasa lepas.

Kunjungan hormat tersebut adalah salah satu Program Pertukaran dan Kunjungan Pegawai-pegawai Penerangan Republik Indonesia dan negara ini.

Rombongan tersebut telah diketuai oleh Drs. Hardjono, Sekretaris Direktorat Jenderal Penerangan Umum, Deppen Republik Indonesia.

Ketika berada di sini selama seminggu mereka telah dibawa melawat dan meninjau serta mengadakan perbincangan ke beberapa tempat seperti melawat ke Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, Universiti Brunei Darussalam dan ke seluruh daerah.

SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa menerima kunjungan hormat lima orang pegawai penerangan dari Republik Indonesia (atas).

**Gambar-gambar
oleh
Harun Rashid,
Ramli Tengah,
Abdullah HAD dan
Hj. Masmaleh HMA**



PENGARAH Radio dan Televisyen Brunei, Pengiran Dato Paduka Haji Badaruddin bin Pengiran Haji Ghani beramah mesra dengan pegawai-pegawai penerangan Republik Indonesia yang mengadakan lawatan ke Radio Televisyen Brunei (atas). Sementara gambar bawah kelihatan rombongan dari Republik Indonesia itu berbual mesra dengan Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad semasa rombongan mengadakan lawatan ke Daerah Temburong.



SEMASA berada di negara ini rombongan tersebut diraikan di majlis makan malam. Hadir sama ialah Pengarah Penerangan, Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.



ROMBONGAN pegawai-pegawai penerangan Republik Indonesia semasa mengadakan lawatan ke Radio Televisyen Brunei.



PARA rombongan dari Republik Indonesia semasa menyaksikan persembahan PENTARAMA anjuran Jabatan Penerangan yang diadakan di Dewan Sekolah Rendah Lorong Tiga Selatan Seria. Hadir sama menyaksikan ialah Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim dan Pengarah Penerangan, Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

BERITA LUAR NEGERI ... BERITA LUAR NEGERI ... BERITA LUAR NEGERI ...



MENTERI Pendidikan Republik Korea, Tuan Yang Terutama Tuan Ahn Byung - Young (empat dari kiri) ketika hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-12 selaku wakil Kerajaan Republik Korea. Juga kelihatan dalam gambar ialah Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Korea, Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha bin Pengiran Metassan.



MENTERI Hal Ehwal Islam dan Wakaf Emiriyah Arab Bersatu, Tuan Yang Terutama Syekh Mohammed bin Ahmed Al-Khazraji (empat dari kiri) menjadi tetamu kehormat di Majlis Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-12 selaku wakil Kerajaan Emiriyah Arab Bersatu dan juga bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Syekh Sultan bin Zayed Abu Nahyan. Juga kelihatan ialah Kuasasah Sementara, Awang Haji Adnan bin Haji Zainal.

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DI SEOUL DAN ABU DHABI

KEDUTAAN Besar Negara Brunei Darussalam di Seoul telah mengadakan Majlis Resepsi bagi meraikan sambutan sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-12 pada 27 Februari bertempat di Seoul Hilton Hotel.

Hampir 400 tetamu yang terdiri dari pegawai-pegawai

Kerajaan Republik Korea, pegawai-pegawai kedutaan perwakilan asing di Seoul dan para usahawan terkemuka hadir di majlis tersebut.

Tetamu kehormat ialah Tuan Yang Terutama Tuan Ahn Byung-Young, Menteri Pendidikan, Republik Korea selaku wakil Kerajaan Republik Korea.

Gambar-gambar ihsan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Tuan Yang Terutama Tuan Lee Hong-Koo, bekas Perdana Menteri Republik Korea juga hadir di majlis tersebut.

Sementara itu, Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Abu Dhabi juga mengadakan majlis serupa pada 28 Februari bertempat di Abu Dhabi Inter-Continental Hotel.

Tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Tuan Yang Terutama Syekh Mohammed bin Ahmed Al Khazraji,

Menteri Hal Ehwal Islam dan Wakaf sebagai wakil Kerajaan Emiriyah Arab Bersatu dan juga mewakili Duli Yang Maha Mulia Syekh Sultan bin Zayed Al-Nahyan, Timbalan Perdana Menteri.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Tuan Yang Terutama Tuan Saif Saeed bin Sa'ad, Pemangku Setiausaha Tetap

(Under Secretary) dan Tuan Yang Terutama Tuan Obeid Salem Al-Za'abi, Pengarah Protokol di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri serta pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri yang lain, ketua-ketua perwakilan diplomatik di Abu Dhabi, diplomat-diplomat dan individu dari berbagai kalangan.

Sistem 'franchise' diperkenalkan kepada pengusaha bas-bas perkhidmatan awam

BERAKAS, 30 Mac. — Dalam memenuhi hasrat untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang berkesan di negara ini, Jabatan Pengangkutan Darat telah memperkenalkan sistem 'franchise' kepada pengusaha-pengusaha bas-bas perkhidmatan awam.

Sistem ini menurut Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Malai Ali bin Malai Haji Othman adalah sebagai lanjutan pemberian 'franchise' yang telah lalu di mana akan menguntungkan semua pihak, khususnya para pengusaha sendiri dan orang ramai.

Di antara laluan-laluan yang sudah dikenal pasti mengikut keutamaan dan keperluan dalam sistem ini ialah Dato Paduka ialah kawasan Berakas, Muara, Jerudong, Sengkunong, Kota Batu dan laluan-laluan lain yang akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat hinggalah meliputi seluruh negara.

Menurut Dato Paduka, setiap laluan atau zon hanya akan diberikan satu 'franchise' iaitu satu perkhidmatan yang telah ditentukan jam atau waktunya.

Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan itu menjelaskan demikian di Majlis Muzakarah Antara Kementerian Perhubungan dengan para pengusaha bas-bas perkhidmatan awam di negara ini yang berlangsung di Kementerian Perhubungan di sini hari ini.

Di majlis itu beliau juga menyuarakan supaya pengusaha-pengusaha bas awam akan lebih berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam selaras dengan konsep perkhidmatan yang mudah, cekap, selamat dan memuaskan, agar dapat

Oleh
Zubaidah HS

mendukung hasrat Kementerian Perhubungan untuk menjadikan bas-bas ini sebagai SHUTTLE.

Pengarah Pengangkutan Darat, Awang Haji Hamidon bin Haji Md. Tahir ketika memberikan ucapan alu-aluan di majlis itu menjelaskan bahawa keperluan untuk menyusun semula industri ini dengan memperkenalkan 'franchise' adalah memandangkan perkhidmatan yang ada pada masa ini bertaraf sangat rendah bahkan setengahnya terdapat harga yang terlalu tinggi dan wujudnya ketidakseimbangan.

Dengan adanya sistem 'franchise' ini, jelas beliau, telah membuktikan keupayaan untuk menggalakkan persaingan yang sihat di samping membolehkan Kementerian Perhubungan mengawal industri tersebut bagi mewujudkan perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih baik dan dalam masa yang sama akan menjamin 'viability' industri ini sebagai satu bidang perniagaan di negara ini.

Setakat ini menurut Awang Haji Hamidon, Perkhidmatan Perjalanan Bas Keliling dan Perkhidmatan Perjalanan Laluan Tengah telah pun mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai.

Beliau penuh berharap dengan adanya sistem 'franchise' di laluan-laluan yang dikhaskan akan lebih mendapat sambutan dari orang ramai dan dengan demikian itu juga misi Jabatan Pengangkutan Darat iaitu bagi menyedia-

kan perkhidmatan-perkhidmatan dan infrastruktur dengan hasrat untuk menuju ke arah mobiliti pengangkutan serantau yang selamat, mudah, cepat dan memuaskan akan tercapai.

Jabatan Pengangkutan Darat jelas beliau sentiasa mendukung usaha Kementerian Perhubungan untuk menyediakan suasana persaingan bagi pihak sektor swasta terutama sekali dalam sektor pengangkutan dengan mengambil kira persaingan dalam negeri dan konteks serantau.

Dari itu tegasnya, pihak swasta sayugialah bersedia menyambut cabaran ini dengan bekerjasama dan membantu dalam merealisasikan matlamat jabatan untuk mengembangkan sistem pengangkutan awam yang lebih berkesan di negara ini.


Awang Haji Hamidon percaya dengan adanya usaha sepadu di antara pihak swasta dan kerajaan dalam menangani langkai dan rancangan yang dibuat, kejayaan pasti dapat dicapai.

Majlis dialog yang diadakan ujarnya, akan dapat mewujudkan perkongsian di antara sektor swasta dan sektor awam dalam pelaksanaan program-program kemajuan sistem pengangkutan di Negara Brunei Darussalam terutama sekali dalam usaha kita menjadikan negara ini sebagai SHUTTLE di tahun 2003.

Seramai 30 orang pengusaha-pengusaha bas telah menghadiri majlis dialog tersebut. Di majlis itu para pengusaha bas telah memahami tentang kebaikan pengendalian bas secara 'fleet operator' yang mana lebih berkesan dan memuaskan berbanding dengan pengendalian beberapa buah syarikat yang menggunakan laluan yang sama.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Malai Ali bin Malai Haji Othman ketika hadir di Majlis Muzakarah Antara Kementerian Perhubungan dengan para pengusaha bas-bas perkhidmatan awam yang diadakan di Kementerian tersebut baru-baru ini (gambar atas dan bawah). — Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.



JPM raikan pegawai dan kakitangan yang bersara, berpindah

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Mac. — Jabatan Perdana Menteri hari ini mengadakan Majlis Meraihan Pegawai dan Kakitangan Yang Bersara, Berpindah dan Menunaikan Fardu Haji di Bangunan Sekretariat di sini.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badarud-

Oleh
Haji Ahmad HS

din yang juga berucap di majlis itu. Antara lain Yang Dimuliakan berkata, sebaik-baik bekalan ketika menunaikan fardu haji ialah berbekalkan takwa dan juga mendoakan mereka yang menunaikan fardu haji dan orang menunaikan haji men-

doakan mereka yang di-tinggal.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian cenderamata kepada seorang bersara, tiga berpindah pejabat dan tujuh orang menunaikan fardu haji.

Hadir sama di majlis itu ialah Setiausaha-setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad dan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin.

Dianugerah Bintang 'Order of Sikatuna'

MANILA. — Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Malai Haji Ahmad Murad bin Syed Haji Mashor, telah mengadakan kunjungan perpisahan kepada Tuan Yang Terutama Presiden Fidel V. Ramos, Presiden Republik Filipina pada 8 Mac lalu setelah menamatkan perkhidmatannya sebagai Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke republik tersebut.

Dalam kunjungan perpisahan tersebut Tuan Yang Terutama Dato Paduka Malai Haji Ahmad Murad telah dianugerahkan oleh Presiden Fidel V. Ramos dengan Bintang 'Order of Sikatuna' yang membawa gelaran 'Datu'.



PRESIDEN Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Presiden Fidel V. Ramos semasa menganugerahkan Bintang 'Order of Sikatuna' kepada Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Malai Haji Ahmad Murad bin Syed Haji Mashor. — Gambar ihsan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Masalah yang dihadapi akan diatasi mengikut keupayaan, keperluan

Oleh
Abdullah Asgar

LUMUT, 31 Mac. — Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Omar bin Haji Serudin menjelaskan berbagai masalah dan cadangan penduduk di Daerah Belait khususnya Kampong Lumut dan Sungai Liang akan diatasi oleh jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat seberapa segera yang boleh mengikut keperluan dan keupayaan.

Menurutnya, masalah dan cadangan tersebut seperti kejadian banjir di kawasan rendah, pejabat pos kekal, pencemaran alam sekitar, sungai yang kurang sempurna, pembaikan jalan kecil, pemasangan lampu isyarat di Sekolah Rendah Lumut, pembinaan dewan serbaguna, sistem perparitan yang lebih baik.

Perkara ini ditegaskan beliau di Majlis Sesi Dialog rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Penerangan bersama penduduk Mukim Sungai Liang di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajjah Rashidah Sa'adatul Bolkiah Kampong Lumut di sini.

Menurut beliau lagi tujuan rombongan itu adalah sebagai meninjau dengan lebih dekat lagi kemajuan dan perkembangan kampung-kampung tersebut.

Di samping untuk mendedar berbagai masalah yang

dihadapi oleh penduduk berkenaan.

"Aduan yang mereka kemukakan di sesi dialog itu nanti akan dikemukakan kepada jabatan-jabatan yang berkenaan untuk diambil tindakan lanjut," jelas beliau.

Walau bagaimanapun katanya, aduan dan masalah tersebut akan diatasi mengikut keperluan dan terlebih dahulu dibuat kajian dan penyelidikan yang lebih lanjut mengenai sebelum sebarang kerja dijalankan.

Terdapat lebih 7,000 orang penduduk di mukim ini yang tinggal di 17 buah kampung di dalam kawasan Lumut 1, Lumut 2 dan Sungai Liang.

Kebanyakan aktiviti penduduk kampung berkhidmat dengan kerajaan, Brunei Shell, perusahaan sendiri, bertani, nelayan dan berniaga secara kecil-kecilan.

Mukim ini juga merupakan tarikan pelancongan dalam dan luar negara di mana ia mempunyai kawasan hutan simpan, taman perangan, pantai dan pusat penghasilan gas cecair asli negara. Di kawasan berhampiran terdapat ladang pertanian yang besar iaitu di Mukim Labi.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz ketika hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Agung Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei (DPPMB) Kali Ke-30 dan Ke-31 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Berita lanjut di muka 1. — Gambar oleh Halim HS.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Omar bin Haji Serudin dan rombongan semasa mengadakan Majlis Sesi Dialog Antara Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bersama penduduk Mukim Sungai Liang. — Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Kursus PRS menampakkan perkembangan positif

Oleh
Haji Ahmad HS

MULAUT, 2 April. — Penolong Pegawai Bimbingan dan Kaunseling Bakat Kerja, Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan selaku penyelaras PRS, Awang Haji Mohd. Tahir bin Haji Jeludin berkata sambutan yang diberikan oleh sekolah-sekolah menengah di negara ini terhadap Kursus Asas Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) yang dikendalikan oleh unit tersebut adalah sangat menggalakkan dan menampakkan perkembangan yang positif kepada sekolah-sekolah yang mempunyai kelab bimbingan rakan sebaya.

Beliau berkata demikian ketika ditemubual oleh pihak PELITA BRUNEI ketika memulakan Kursus Asas Pembimbing Rakan Sebaya yang berlangsung di Sekolah Menengah Sayidina Hassan Brunei II di sini.

Beliau seterusnya menambah, sekolah adalah tidak terkecuali dalam sama-sama memainkan peranan untuk mengurangkan atau mencegah permasalahan yang dihadapi di sekolah dan pelajar-pelajar.

Perkara ini terbukti katanya dengan adanya beberapa buah sekolah yang telah menggunakan PRS yang mana telah dapat mengatasi masalah dan membantu aktiviti yang dikendalikan oleh pihak sekolah.

Menurut beliau lagi hasil daripada pengakuan guru-guru sekolah yang mengadakan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) bahawa pelajar-

pelajar yang melibatkan diri sebagai PRS telah berjaya mengendalikan PRS di sekolah mereka masing-masing.

Ditanya sama ada PRS dilaratkan ke sekolah-sekolah rendah di negara ini? Beliau berkata bahawa memang menjadi salah satu sasaran pihak Unit Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja melarutkan kursus sedemikian kepada sekolah rendah, kerana pihaknya beranggapan sekolah rendah adalah lebih baik untuk dibimbing. Katanya lagi dengan adanya kursus asas rakan sebaya lebih awal diperkenalkan kepada mereka, murid-murid tersebut tidak akan terkejut bila memasuki alam sekolah menengah apabila menghadapi berbagai cabaran yang susah mereka atasi.

"Tetapi 'target' sebenar

pihak PRS ialah membimbing rakan sebaya dari segi kerosotan pelajaran. Jadi mereka dapat berkomunikasi untuk mengatasi dari segi mana datangnya punca kelemahan pelajaran, lambat hadir ke sekolah dan penuntut menjadi boring. Di sini para PRS diberi pengkhususan khas tentang pendedahan diri, kesabaran dan cara mengatasi permasalahan," jelas beliau.

Menjadi masalah kepada pihak PRS sekarang katanya ialah masalah kekurangan tenaga pembimbing dan masa, kerana kebanyakan tenaga-tenaga yang terlibat dalam PRS hanya mempunyai masa berada di pejabat ialah setiap hari Isnin dan Sabtu dan selebihnya berada di sekolah-sekolah untuk menjalankan PRS mengikut jadual yang telah ditentukan.

Kursus PRS Brunei II

MULAUT, 2 April. — Kursus Asas Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) bagi penuntut sekolah-sekolah menengah dan maktab Brunei II bermula hari ini di Sekolah Menengah Sayidina Hassan di sini.

Kursus tersebut dianjurkan oleh Unit Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja, Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan dengan tujuan untuk membantu guru-guru kaunseling dalam menjalankan tugas bimbingan di sekolah dan memberikan pendedahan kaunseling, komunikasi dan kemahiran kepada pelajar.

Kursus disertai oleh lapan buah sekolah menengah dan maktab bahagian Brunei II. Semasa menjalani kursus selama tiga hari para pelajar mendengarkan beberapa buah ceramah yang bertajuk 'Bimbingan dan Kaunseling' disampaikan oleh Awang Haji Hirmond bin Haji Alias, manakala Awang Bakar bin Haji Besar dan Awang Haji Mustapa bin Haji Masri menyampaikan ceramah yang bertajuk 'Perkembangan dan Masalah Remaja'. Ceramah yang bertajuk 'Pembimbing Rakan Sebaya' yang disampaikan oleh Awang Ariffin bin Abang Haji Razali dan Awang Haji Mohd. Tahir bin Haji Jaluddin, sementara 'Komunikasi' disampaikan oleh Awang Haji Norhamdani bin Haji Mohd. Ghaffir.

Di samping mendengarkan ceramah para peserta kursus juga menjalankan aktiviti hasil daripada ceramah yang disampaikan dan juga menunaikan sembahyang fardu Zhuhur berjemaah.

Kursus tersebut dijalankan selama tiga hari berturut-turut mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur. Pada tahun ini kursus sedemikian telah bermula di sekolah-sekolah menengah Daerah Tutong kemudian diikuti Daerah Belait, Daerah Brunei dan Muara, bahagian Brunei I dan II dan Daerah Temburong.

Kursus PRS diperkenalkan oleh Sekolah Menengah Sayidina Hassan, kemudian diikuti oleh Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Sekolah Menengah RIPAS dan Sekolah Menengah SMJA. Kursus tersebut adalah merupakan projek tahunan pihak penganjur.

Bismillah, Walhamdulillah,
Wassallatu Wassalamu 'Ala
Rasulillah, Wa'alaa Aalihi
Wasahbihi Wa Walaah.

BERMALAM DI MUZDALIFAH

(i). Bermalam di Muzdalifah itu memadai dengan berada atau lalu sahaja di mana-mana bahagian Muzdalifah walau hanya sebentar setelah masuk separuh malam Hari Raya (10 Zulhijah) dan sebelum terbit fajar pada hari tersebut. Barangsiapa yang tidak hadir di Muzdalifah atau hadir tetapi ia meninggalkannya sebelum masuk separuh malam dan tidak ia kembali ke Muzdalifah maka wajib ke atasnya dan kecuali bagi orang-orang yang uzur, maka tidak dikenakan ke atasnya apa-apa.

(ii). Disunatkan ketika berada di Muzdalifah mengutip batu untuk melontar Jamrah Aqabah, adapun batu untuk melontar pada hari-hari Tasyriq disunatkan diambil daripada Mina atau Wadi Muhassir iaitu satu tempat perlembahan yang menceraikan di antara Muzdalifah dan Mina. Makruh hukumnya jika diambil batu-batu itu daripada Tanah Halal, masjid, tempat yang najis atau menggunakan batu yang sudah dilontarkan.

MELONTAR JAMRAH AQABAH PADA HARI KE-10 ZULHIJAH DAN JAMRAH-JAMRAH YANG TIGA PADA HARI-HARI TASYRIQ

(i). Melontar jamrah hendaklah yakin tujuh kali lontaran bagi tiap-tiap jamrah dengan menggunakan batu. Lontaran juga hendaklah menggunakan tangan dengan gaya melontar dan yakin batu itu masuk ke dalam jamrah.

(ii). Bermula waktu melontar Jamrah Aqabah itu setelah masuk separuh malam Hari Raya dan berakhir setelah matahari terbenam pada hari 13 Zulhijah, dan yang afdalnya dilakukan setelah terbit matahari pada 10 Zulhijah.

BEBERAPA MASALAH HUKUM MENGENAI HAJI DAN UMRAH

BILANGAN KEENAM BELAS BAHAGIAN III

Adapun melontar jamrah-jamrah yang tiga pada hari Tasyriq (11,12,13 Zulhijah) masuk waktunya pada hari-hari tersebut setelah gelincir matahari dan berakhir setelah terbenam matahari pada hari 13 Zulhijah.

(iii). Tidak disyaratkan batu lontaran itu kekal di dalam jamrah yang mana jika batu lontaran itu telah masuk ke dalam jamrah kemudian terkeluar semula dari jamrah sama ada ia bergolek keluar atau memantul keluar, tidak menjadi apa-apa dan ia tetap dikira sebagai satu lontaran.

(iv). Melontar pada hari-hari Tasyriq itu hendaklah dengan tertib iaitu tidak dilontar Jamrah yang kedua (Jamrah Al-Wustha) melainkan setelah dilontar Jamrah yang pertama (Jamrah Al-Ula/Ash Shugra) dan tidak dilontar Jamrah Al-Kubra (Al-Aqabah) melainkan setelah dilontar Jamrah Shugra dan Wustha. Tertib itu juga bermaksud tidak dilontar jamrah yang tiga pada hari-hari Tasyriq melainkan sesudah dilontar Jamrah Al-Aqabah pada Hari Nahar (10 Zulhijah) dan tidak dilontar Jamrah yang tiga pada hari 12 Zulhijah melainkan setelah dilontar tiga Jamrah pada hari 11 Zulhijah dan seterusnya. Jika seseorang itu tidak melakukan lontaran pada hari 11 Zulhijah, hendaklah ia terlebih dahulu membuat lontaran bagi hari 11 Zulhijah itu sebelum ia melontar untuk hari 12 Zulhijah. Begitu juga terbit itu bermaksud tidak dilontarkan untuk orang lain kecuali sesudah ia melontar untuk dirinya sendiri.

(v). Disunatkan melontar jamrah-jamrah dan juga lontaran pada tiap-tiap jamrah itu dengan lontaran yang berturut-turut, melontar dengan tangan kanan dan mengangkatnya sehingga nampak ketiakanya bagi lelaki, menggunakan batu-batu kecil yang ber-

TAHALLUL AWAL DAN THANI

Apabila orang haji itu telah selesai mengerjakan dua perkara daripada tiga perkara iaitu melontar, bercukur atau bergunting, tawaf dan sa'ie jika ia belum mengerjakan sa'ie, maka halal baginya melakukan perkara-perkara

INTRODUKSI

Bismillahir Rahmanir Rahim

RUANGAN ini dinamakan IRSYAD HUKUM. IRSYAD HUKUM dimaksudkan sebagai penerangan hukum-hukum dan kehendak-kehendak agama Islam mengenai sesuatu perkara yang mengaiti hidup dan kehidupan umat Islam di negara ini khususnya. Matlamatnya ialah untuk melahirkan kefahaman dan kesedaran serta keinsafan dalam diri umat Islam pada menghayati hukum-hukum dan kehendak-kehendak Islam selaku agama yang mendorong kepada pembangunan rohani dan kemajuan yang sebenar-benarnya bukan sebaliknya.

ukuran seperti kacang pul dan juga mengadap kiblat ketika melontar kecuali ketika melontar Jamrah Al-Aqabah pada Hari Nahar (10 Zulhijah) kerana disunatkan pada hari itu melontar menghadap Jamrah Al-Aqabah dengan menjadikan Mekkah di sebelah kirinya dan Mina (Jamrah Al-Ula dan Wustha) di sebelah kanannya.


(vi). Bagi orang yang lemah untuk melontar disebabkan oleh sesuatu uzur yang tidak diharap akan hilang uzur itu sebelum luput waktu melontar (terbenam matahari pada hari ke-13 Zulhijah) seperti sakit, maka wajib ia meminta ganti untuk melontarkan bagi dirinya. Jika ia sembuh selepas dilontarkan dan masih ada waktu lagi untuk melontar, tidak wajib baginya mengulanginya.

yang diharamkan ketika di dalam ihram selain ber-setubuh dan akad nikah, dan ini dinamakan Tahallul Awal. Manakala apabila ia telah menyempurnakan ketiga-tiga perkara tersebut, maka halal baginya semua perkara-perkara yang diharamkan ketika di dalam ihram dan ini dinamakan Tahallul Thani.

NAFAR AWAL DAN THANI

(i). Bermalam di Mina pada hari-hari Tasyriq itu ialah berada di Mina lebih daripada separuh malam walaupun lebih daripada separuh malam itu hanya sebentar.

(ii). Wajib bermalam di tiga hari-hari Tasyriq itu (11,12,13 Zulhijah) adalah bagi orang yang mengerjakan



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Nafar Thani, dan melakukan Nafar Thani ini adalah lebih afdhal daripada Nafar Awam kecuali bagi orang yang mempunyai keuzuran. Jika seseorang itu mengerjakan Nafar Awal, maka gugur darinya kewajipan bermalam di Mina dan juga melontar jamrah-jamrah yang tiga pada hari ke-13 Zulhijah.

(iii). Orang yang mengerjakan Nafar Awal itu hendaklah keluar daripada Mina sebelum terbenam matahari pada hari yang ke-12 Zulhijah setelah melakukan perkara-perkara yang diwajibkan dilakukan pada hari ke-11 dan ke-12 Zulhijah dengan berniat dan berazam tidak akan kembali ke Mina.

TAWAF WADA'

(i) Tawaf Wada' adalah wajib ke atas orang yang hendak meninggalkan Mekah (musafir daripadanya) kerana kembali ke negerinya atau kerana pergi ke satu tempat yang dibolehkan mengasah sembahyang (dua marhalah) atau kerana pergi ke suatu tempat yang ia hendak tinggal di tempat itu selama empat hari atau lebih. Jika ia tidak melakukannya maka diwajibkan ke atasnya membayar dam, tetapi jika ia kembali ke Mekah sebelum perjalanannya mencapai dua marhalah dan dikerjakan tawaf wada', maka gugur daripadanya dam itu. Manakala jika perjalanannya itu telah mencapai dua marhalah atau lebih daripada dua marhalah, maka tidak gugur wajib dan daripadanya sekali ia kembali ke Mekah dan mengerjakan tawaf wada'.

(ii). Perempuan yang kedatang haid atau nifas adalah tidak diwajibkan ke atasnya mengerjakan tawaf wada' jika ia hendak meninggalkan Mekah. Dia hanya disunatkan berada dan berdoa di pintu Masjid Al Haram sahaja. Tetapi jika ia suci daripada tawaf atau nifas, sebelum keluar daripada bumi Mekah walaupun di dalam perjalanan, maka wajib ia kembali ke Mekah untuk mengerjakan tawaf Wada'. Manakala jika ia suci daripada haid atau nifas ketika berada di luar daripada bumi Mekah walaupun di dalam Tanah Haram, maka tidak wajib ia kembali ke Mekah untuk mengerjakan tawaf Wada'.

(iii). Orang yang telah mengerjakan tawaf Wada' hendaklah meninggalkan Mekah dengan segera tanpa melambatkan peremgiannya dari Mekah. Jika kelambatangnya keluar dari Mekah itu disebabkan oleh sesuatu uzur atau kesibukan yang tidak kena-mengena dengan keberangkatannya seperti membayar hutang menziarahi teman atau menziarahi orang sakit atau membeli-belah, maka wajib ke atasnya mengulangi semula tawaf wada'nya. Manakala jika kelambatan itu disebabkan oleh sesuatu perkara yang kena-mengena dengan keberangkatannya seperti membeli bekalan untuk kegunaan di dalam perjalanan dan seumpamanya, maka tidak perlu ia mengulangi tawaf wada'nya.

AMALAN YANG MENGALIR KE DALAM KUBUR

KITA sedia maklum sesuatu yang berharga yang akan dibawa mati tidak lain ialah amal kita. Harta, isteri muda, makanan enak, pakaian cantik, barang kemas dan lainnya akan tinggal dan tidak dapat menolong kita di dalam kubur. Di antara amalan-amalan kita, hanya amalan yang baik yang dapat menyelamatkan kita, amalan yang buruk akan membawa bencana dan azab di dalam kubur. Di antara amal-amal yang akan terus mengalir pahalanya kepada seseorang yang di dalam kubur telah di sabdakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Tujuh macam amal yang akan terus didapati pahalanya oleh seseorang hamba di dalam kubur ialah orang yang mengajar ilmu agama, orang yang mengalirkan sungai, orang yang menggali perigi, orang yang menanam pohon buah-buahan, orang yang me-

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلان قوسه دعوه اسلاميه

ninggalkan anak yang salih yang selalu membaca istighfar untuk kedua ibu bapanya sesudah mati." Riwayat Imam Al-Bazzar.

Dalam hadis yang lain ada disebutkan pula adanya empat macam pahala yang terus mengalir setelah pelakunya meninggal dunia sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Orang yang meninggal selagi ia sedang bergiat berjuang di jalan Allah, orang yang mengajar ilmunya dan

beramal dengannya, orang yang bersedekah dengan sesuatu pahalanya akan mengalir untuknya di mana sahaja sedekah itu berada, orang yang meninggalkan anak yang salih dan ia sentiasa berdoa untuk kebahagiaanannya." (Riwayat Imam Ahmad dan At-Thabrani).

Hanya amal-amal yang baik yang berterusan yang diterima Allah, tetapi dengan syarat ianya lahir dari iman dan hati yang ikhlas kerana mencari keredaan Allah Subhanahu Wataala. Oleh itu

kita mesti mempertingkatkan iman, mempelbagaikan amal ibadat dan membuat kebajikan. Hak Allah disempurnakan dengan baik, seterusnya berbuat amalan-amalan seperti mengajar ilmu, bersedekah, mendidik anak dengan baik, berkorban apa sahaja demi memperjuangkan agama Islam.

Ilmu yang bermanfaat ialah ilmu yang diamalkan dan disampaikan seterusnya diperjuangkan. Sedekah ialah pemberian yang ikhlas kepada orang yang memerlukan dan untuk membangunkan Islam. Anak yang salih yang terdidik ialah anak yang dididik dengan baik, diberi ilmu agama, disuruh mentaati Allah dan Rasul-Nya sehingga anak itu menjadi orang yang baik, beriman dan bermalah di dalam tahun mendoakan kesejahteraan kedua ibu bapanya. Membantu membuat perkara-perkara untuk kebajikan umum, nikmatnya dapat memudahkan orang

dan menolong orang. Berkat dari itu pahalanya sentiasa mengalir dan memberi kesejahteraan di dalam kubur.

Jelaslah kepada kita, bahawa segala apa yang kita buat di dunia ini akan diperhitungkan dan dinilai Allah. Mana yang baik, akan diberi ganjaran yang baik, mana yang tidak baik-baik, akan diazab dengan seksaan dikubur lagi hingga di akhirat. Setelah mati semua amalan terputus, kita tidak boleh beramal lagi, kecuali orang yang semasa hidupnya ada amalan kebajikan. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Jika seseorang mati, maka terputuslah amalnya, kecuali tiga perkara iaitu sedekah yang terus menerus berjalan, ilmu yang diajarkan dan bermanfaat, atau anak yang salih yang mendoakan baginya." (Riwayat Imam Muslim).

Melalui hadis ini, jelas kepada kita bahawa setiap

anak Adam yang telah mati akan terputus amalnya dan ia telah tidak dapat beramal lagi. Kecuali bagi mayat yang waktu hidupnya mempunyai amalan-amalan kebajikan, maka ia di dalam kubur masih dapat menerima pahala amalan-amalan itu.

Selain daripada itu, kita yang hidup ini boleh juga membantu mereka yang di dalam kubur dengan membaca Surah Al-Fatihah. Yaasiin, membaca tahlil dan lain-lain amalan-amalan yang disedekahkan pahalanya kepada mereka. Seterusnya berdoa agar Allah meringankan mereka dari azab dan seksa kubur.

Suatu perkara yang menyenangkan mayat juga jika orang yang menziarahi mayat itu orang yang disukai oleh simayit semasa hidupnya. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Yang sangat menyenangkan orang mati dalam kubur bila ia diziarahi oleh kekasihnya di dunia.

PERBUATAN MEMFITNAH TERUS BERLELUASA, SERING BERLAKU DENGAN MEMBAWA BERITA DAN PERKHABARAN KEAIBAN ORANG

MARILAH kita sama-sama meningkatkan rasa ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan jalan mengerjakan apa-apa yang disuruh serta menjauhi dan seterusnya meninggalkan apa-apa jua yang dilarang semoga dengan cara ini kita akan sentiasa berjalan di atas landasan yang lurus iaitu landasan yang telah Allah anugerahkan nikmat kepada mereka bukannya landasan bagi mereka yang dimurkai dan bukan pula landasan mereka yang sesat.

Lidah merupakan nikmat yang utama yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala terhadap hamba-Nya dan merupakan amanah yang besar diletakkan oleh Allah Taala kepada kita manusia sekalian.

Cuba kita bayangkan jika manusia itu hidup atau dilahirkan ke muka bumi ini tanpa diberi lidah? Sesungguhnya lidah itu kecil akan tetapi mempunyai peranan yang begitu berat terhadap manusia dan merupakan salah satu anggota badan yang dapat menimbulkan kekuatan bagi diri kita dan orang lain.

Sebaliknya lidah itu dapat memusnahkan dan menghancurkan kekuatan itu seperti akibat yang ditimbulkan oleh perbuatan lidah itu, iaitu dengan jalan megutap atau berdusta.

Lidah mempunyai kebaikan yang banyak dan manfaat yang besar bagi orang-orang yang memelihara lidah dan menggunakannya untuk kepentingan-kepentingan agama Allah.

Allah Subhanahu Wataala telah memberikan (menciptakan) manusia lidah supaya ia menggunakannya dalam memperbanyakkan berzikir kepada Allah, nasihat-menasihati, menyuruh manusia berbuat kebaikan dan me-

larang daripada berbuat kejahatan dan menyampaikan keperluan-keperluan yang berkaitan dengan urusan dunia dan akhirat.

Apabila lidah itu tidak digunakan untuk hal-hal yang bermanfaat (kebaikan) berarti kita tidak mensyukuri nikmat yang telah dianugerahkan oleh Allah kepada hamba-Nya. Maka tergolonglah kita antara orang-orang yang menganiaya diri sendiri dan yang melanggar perintah Allah Subhanahu Wataala. Oleh kerana itu wajiblah kita menjaga lidah kita dan hendaklah kita mempergunakan lidah kita itu setiap waktu terhadap perkara-perkara yang bermanfaat.

Lidah juga merupakan perkakas syaitan yang terbesar untuk menipu manusia ke jalan yang dimurkai Allah Taala.

Kita hendaklah menge-

"Bukankah manusia itu dilontarkan ke dalam api neraka menerusi wajah mereka ataupun hidung mereka disebabkan bencana liah mereka sendiri."

Maksud sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam lagi:

"Barangsiapa beriman dengan Allah dan hari akhirat hendaklah berkata yang baik ataupun berdiam diri."

Berbagai-bagai bentuk budaya dan penyakit lidah sering manusia lakukan. Di antaranya ialah berdusta, memfitnah seseorang, mungkir janji, memuji diri sendiri, mencela orang, melaknat, mendoakan orang dengan kejahatan dan sebagainya.

Segala perbuatan di atas adalah amat keji, hina di sisi pandangan Islam. Jika kita tidak berhati-hati akan membawa kehancuran kepada diri kita sendiri, masyarakat dan juga negara.

masa seperti dengan perkataan, dengan perbuatan, dengan tulisan pada surat layang dan seumpamanya. Sebagaimana mudahnya ia dilakukan begitu juga mudahnya ia merebak ke sana ke mari dan memusnahkan mangsa-mangsanya.

Fitnah ini adalah disebabkan oleh hasad dengki atau irihati seseorang. Ia merasa sakit hati apabila ia mendengar atau melihat seseorang itu mendapat nikmat atau bertambah-tambah nikmat yang dipadainya.

Fitnah sudah berlaku sejak zaman Nabi Yusuf Alaihissalam lagi di mana Nabi Yusuf telah difitnah oleh Zulaikha kononnya Nabi Yusuf cuba menggodanya.

Begitu juga pada zaman Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan sahabat-sahabat Baginda telah



orang dan mereka-reka sesuatu cerita yang tidak diketahui benar salahnya yang bertujuan untuk menjatuhkan maruah seseorang dan memecahkan perpaduan masyarakat.

Apalah faedah dan keuntungan yang boleh didapati oleh orang-orang yang menaburkan fitnah seumpama ini. Perpecahan dan permusuhan itu tidak akan dapat apa-apa keuntungan bagi pihak diri orang yang memfitnah itu mahupun pihak lain yang difitnah.

Memandangkan akibat dan kesannya yang amat besar maka perbuatan memfitnah dan menghasut sesama manusia adalah haram sebagaimana yang disepakati oleh ulama.

Maka cara yang paling baik menghadapi orang yang suka menaburkan fitnah ialah kita menasihatkan jangan suka memfitnah seseorang apatah lagi perkara yang belum tentunya benar dan jangan banyar buruk sangka kepada orang lain. Jangan suka mengintip untuk mencari-cari kesalahan orang lain. Janganlah kita membenarkan terus apa yang dikhabarkan itu. Hendaklah kita selidiki

dahulu sebelum mengambil apa-apa tindakan.

Oleh itu behati-hatilah kita dengan orang semacam ini kerana kemungkinan orang yang memfitnah itu akan melakukan perkara yang sama kepada kita atau hanya menjadikan kita alat untuk memusnahkan masyarakat kita sendiri.

Tidak akan selamat seseorang itu dari bahaya lidah kecuali berdiam diri dan tidak berkata-kata melainkan perkara yang perlu sahaja dan dengan keadaan yang perlu pula.

Firman Allah Taala dalam Surah Al-Hujurat ayat 12 yang maksudnya:

"Hai orang-orang yang beriman, jauhilah kebatikan dari prasangka. Sesungguhnya sebahagian prasangka itu adalah dosa dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain dan janganlah sebahagian kamu menggunjing (mengumpat) sebahagian yang lain. Sukakah salah seorang di antara kamu memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya, dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha menerima taubat lagi Maha Penyayang."

MAKA cara yang paling baik menghadapi orang yang suka menaburkan fitnah ialah kita menasihatkan jangan suka memfitnah seseorang apatah lagi perkara yang belum tentunya benar dan jangan banyak buruk sangka kepada orang lain. Jangan suka mengintip untuk mencari-cari kesalahan orang lain. Janganlah kita membenarkan terus apa yang dikhabarkan itu. Hendaklah kita selidiki dahulu sebelum mengambil apa-apa tindakan.

وقت سمیغ، امساک، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سمیغ، امساک، شوروق دان ضحی باکی دایره برونی دان موارا مولائی دري هاري رابو، 21 ذوالقعدة، 1416 برسمان 10 افریل، 1996 هیئت کھاري ثلاث، 27 ذوالقعدة، 1416 برسمان 16 افریل، 1996 اداله سفرت دباوه این :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشا	امساک	صبح	شوروق	ضحی	مسیحی
ذوالقعدة									
21	12.23	3.29	6.30	7.38	4.48	4.58	6.15	6.39	افریل
22	12.23	3.29	6.30	7.38	4.48	4.58	6.15	6.38	10
23	12.23	3.30	6.30	7.38	4.47	4.57	6.14	6.38	11
24	12.23	3.30	6.30	7.38	4.47	4.57	6.14	6.38	12
25	12.22	3.30	6.30	7.38	4.46	4.56	6.13	6.38	13
26	12.22	3.31	6.29	7.38	4.46	4.56	6.13	6.37	14
27	12.22	3.31	6.29	7.38	4.45	4.55	6.13	6.37	15
									16

وقت ۲ سمیغ باکی دایره توتوغ دتبه ساتو مینیت دان دایره بلایت دتبه تیگ مینیت، سمیغ فرض جمعة دسلوره نکارا برونی دارالسلام دمولائی دري فوکل 12.45 تھاري.

BERKENAN MERAIH

DULI Yang Teramat Mulia Isteri Hajjah Mariam telah berangkat ke Majlis Meraihan Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia sembahkan oleh Kompeni Askar Wanita telah dilangsungkan di Padang Kawad Garison pada 27 Mac yang lalu.

Berangkat sama ke majlis tersebut Yang Teramat Mulia Paduka Seri Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Duli Yang Teramat Mulia telah menerima tabik hormat dan memeriahkan barisan 102 anggota Kompeni Askar Wanita.

Dari padang kawad, Duli Yang Teramat Mulia berserta kerabat-kerabat diraja dian berangkat ke Mes Pegawai bagai ramah mesra dengan pegawai-pegawai Kompeni Askar Wanita.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam bersama-sama dengan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Amal Umi Kalthum Al-Islam ketika bergambar kenang-kenangan dengan Pegawai Memerintah Kompeni Askar Wanita, Mejar Hajjah Sopiah dan pegawai-pegawai kanan Kompeni Askar Wanita sejurus selepas majlis ramah mesra sempena hari puja usia Duli Yang Teramat Mulia di Mes Pegawai Bolkah Garison (atas).



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menerima cenderamata yang disemahkan oleh Kompeni Askar Wanita (atas).

DULI Yang Teramat Mulia semasa berbual mesra dengan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimulikan Pehin Datu Harimaupadung Mejar Jeneral Datu Paduka Seri Haji Awang Husin bin Ahmad sambil diperhatikan oleh Pegawai Memerintah Kompeni Askar Wanita, Mejar Hajjah Sopiah (kiri).



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan beramah mesra dengan beberapa orang pegawai Askar Wanita.



BERANGKAT KE MAJLIS HARI PUJA USIA



DULI Yang Teramat Mulia yang juga selaku Kolonel Komandan Kompeni Askar Wanita ketika berkenan menerima tabik kehormatan di Majlis Meraikan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia di Padang Kawad Bolkiah Garison.



DULI Yang Teramat Mulia semasa berkenan berangkat ke Majlis Meraikan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia yang disembahkan oleh Kompeni Askar Wanita yang berlangsung di Padang Kawad Bolkiah Garison. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Amal Umi Kalthum Al-Islam (atas).

DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan memeriksa perbarisan terdiri daripada 102 anggota Kompeni Askar Wanita di bawah perintah Mejar Hajjah Maimun binti Haji Mat Yaasin (bawah).



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berserta dengan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Amal Umi Kalthum Al-Islam semasa berangkat di acara ramah mesra di Mes Pegawai Bolkiah Garison sempena Majlis Meraikan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menandatangani buku lawatan sempena keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia di Majlis Meraikan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia yang disembahkan oleh Kompeni Askar Wanita.

SEBAHAGIAN daripada anggota Kompeni Askar Wanita yang hadir di majlis tersebut (kiri sekali).

SEBAHAGIAN daripada 102 anggota Kompeni Askar Wanita yang menyertai perbarisan sempena Majlis Meraikan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia (gambar tengah dan kiri).

Gambar-gambar oleh
Haranadi Haji Buntar,
Pg. Haji Yaakub PMHH,
Amat Haji Moxin
dan Hamadi Mohammad



Industri perhubungan dan pengangkutan terus diperkembangkan

BERAKAS, 28 Mac. — Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Malai Ali bin Malai Haji Othman menjelaskan bahawa kementerannya sebagai sebuah agensi kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk memastikan negara ini dihubungi dengan 'komuniti global'.

"Oleh yang demikian beberapa perancangan telah dibuat untuk membangunkan industri perhubungan dan pengangkutan yang sedia ada," tambah beliau.

Ini katanya, termasuk pembezaan dan meningkatkan Lapangan Terbang Antarabangsa, membuat 'feasibility study' perluasan Pelabuhan Muara dengan harapan membangunkan Pekan Muara sebagai kawasan pelabuhan yang eksklusif dan kemungkinan menggunakan Pulau Muara Besar sebagai 'container terminal' serta meningkatkan talian telekomunikasi dari 26 talian bagi setiap orang penduduk kepada 45 talian bagi setiap 100 orang penduduk serta menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan tambahan dan membina enam pejabat pos yang baru.

Perkara ini dijelaskan di Majlis Pelancaran Kad Emas Panggilan Antarabangsa atau Gold Global Calling Card (GGCC) pagi ini di sini.

Di samping itu tambah, beberapa tindakan yang telah diambil termasuk pembaikan perkhidmatan dari segi kualiti, 'reliability competitiveness' juga dibuat.

Selain itu menurutnya, beberapa projek yang baru telah dikenal pasti untuk diteruskan secara komersil.

Seperti 'One-Stop Business Center' di pejabat-pejabat pos yang akan menyediakan kaunter-kaunter perkhidmatan bagi pembayaran bil-bil, pendaftaran dan perlesenan, pembayaran satu bumbung di Pelabuhan Muara, custom clearance services melalui Electronic Data Interchange (EDI) serta Muara Export Zone bagi transshipment dan re-export, Cargo Village dan Air Port City di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, perkhidmatan Brunet/Internet dan E-mail dan Franchise bagi perkhidmatan bas 'Central Line dan Circle Line'.

Perkhidmatan GGCC ini adalah pelaksanaan yang per-

Oleh
Abdullah Asgar

tama hasil kerjasama di antara Jabatan Telekom Brunei (JTB) dengan sebuah syarikat antarabangsa iaitu Executive Telecard International SA dari Amerika Syarikat.

Penandatanganan perjanjian telah dimeterai pada Julai tahun lalu.

Kemudahan kad ini ialah setiap pemegangnya yang berdaftar dengan JTB boleh menggunakan sebarang jenis telefon sama ada telefon persendirian, perniagaan, mobile atau telefon awam untuk membuat panggilan tempatan dan antarabangsa.

Keupayaan kad ini terletak pada sistem yang disediakan yang mana berfungsi sebagai sistem dial secara automatik dan berkomputer. Suara arahan dalam bahasa Melayu dan Inggeris mengikut pilihan pelanggan akan boleh didengar.

Setakat ini kad ini boleh digunakan dilebih 62 buah negara antarabangsa di mana panggilan secara terus ke negara ini dan sebaliknya.

Kelebihannya ia menjimatkan perbelanjaan di luar negeri terutama bayaran surcax hotel ketika membuat panggilan. Setiap penggunaan melalui kad ini akan dituntut balik kepada akaun pelanggan di JTB.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Malai Ali bin Malai Haji Othman semasa hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Pelancaran Kad Emas Panggilan Antarabangsa atau Gold Global Calling Card (GGCC) baru-baru ini. — Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.



PENGARAH Radio dan Televisyen Brunei, Pengiran Dato Paduka Haji Badaruddin bin Pengiran Haji Chani semasa melancarkan drama yang bertajuk 'Pengabdian' hasil karya Norsiah Abdul Ghafar terbitan Abad 21 Production. — Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Anugerah drama dan pelakon-pelakon terbaik akan diberikan

Oleh
Haji Ahmad HS

GADONG, 30 Mac. — Pengarah Radio dan Televisyen Brunei, Pengiran Dato Paduka Haji Badaruddin berkata, bermula 1 April ini keseluruhan siaran televisyen akan dipancarkan setiap hari melalui parabola (TVRO). Sebelum ini siaran tersebut hanya dapat dilihat selama satu jam melalui rancangan Sukmaidera.

"Siaran televisyen bukan sahaja dapat dilihat dalam negara dan sekitarnya, malah akan dapat ditonton melalui parabola dan satelit palapa 'C' yang baru dilancarkan," jelas Pengiran Dato Paduka di Majlis Pelancaran Penggambaran Drama yang bertajuk 'Pengabdian' hasil karya Norsiah Abdul Ghafar yang diterbitkan oleh Abad 21 Production yang berlangsung di salah sebuah hotel di sini.

Dengan cara ini, tambah Pengiran Dato Paduka orang-orang kita lebih terdedah bukan saja ditonton oleh masyarakat Melayu atau Indonesia tetapi ditonton oleh masyarakat antarabangsa.

Menurut Pengarah Radio dan Televisyen Brunei, tahun ini juga jabatannya akan mengadakan pemberian anugerah kepada pelakon-pelakon terbaik dan drama terbaik yang akan dinilai oleh satu jawatankuasa yang telah ditubuhkan.

Di samping itu tambah Pengiran Dato Paduka, penerbitan melalui swasta ini akan dilancarkan bukan sahaja dalam bidang drama, malah rancangan-rancangan lain termasuk rancangan hiburan, dokumentari dan dakwah.

Pengiran Dato Paduka berharap dengan cara demikian semua pelakon tempatan akan memastikan lakonan mereka berkualiti tinggi dan juga skrip drama yang diilakkan boleh membentuk manusia Brunei menjadi satu bangsa yang baik.

Dalam temubual pihak PELITA BRUNEI bersama dengan

Pengarah Urusan Abad 21 Production, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Yusof berkata 95 peratus dari mereka adalah pelakon tempatan yang terlibat dalam drama yang bertajuk 'Pengabdian' dan 60 peratus pula adalah pelakon baru yang diambil melalui bengkel yang dikendalikan oleh Abad 21 Production.

Ditanya mengenai sinopsis cerita yang dilancarkan itu beliau berkata drama tersebut mengisahkan perjuangan seorang doktor tempatan yang lebih mengutamakan masalah keluarga, sekeliling dan juga masyarakat.

Katanya watak yang penting ialah Siti Nor (pelakon yang terlibat dalam drama) tidak pernah mementingkan diri sendiri dan saat akhir sebelum Siti Nor meninggal disebabkan penyakit kanser ovari, Siti Nor telah mendapat simpati daripada seorang doktor lalu mengahwininya.

Kemudian katanya kematian Siti Nor mendapat perhatian seluruh lapisan masyarakat kerana jasa-jasa yang diabdikannya kepada masyarakat.

Beliau seterusnya berkata Abad 21 Production ditubuhkan dalam tahun 1984 dan kini telah menerbitkan beberapa drama antaranya ialah 'Saksi Bisu' selama satu jam, siri 'Capak Pahang' yang mempunyai 8 episod dan siri yang diterbitkan pada 3 April yang bertajuk 'Tamu' yang terdiri dari 8 episod.

Kebanyakannya, tambah beliau tema-tema yang diterapkan dalam drama-drama tersebut berhubungkait dengan kehidupan orang Brunei sehari-hari.

Lawatan rombongan Perkhidmatan Pergigian Tentera M'sia

BERAKAS, 27 Mac. — Markas Perkhidmatan Pergigian Berakas Garrison, Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei (ATPBDB) menerima lawatan rombongan dari Perkhidmatan Pergigian Tentera

Malaysia yang diketuai oleh Kolonel Dr. Haji Md. Tarmizi bin Haji Junaidi.

Ketibaan rombongan itu di markas dialu-alukan oleh Ketua Perkhidmatan Pergigian, Lef-

tenan Kolonel Lomax dan pegawai-pegawai kanannya.

Sebelum tiba di markas rombongan itu, telah mengadakan lawatan ke tempat-tempat menarik di negara ini.

Oleh Abdullah Asgar

Rombongan seramai lebih dari 70 orang anggota itu adalah dari Ko. Perkhidmatan Pergigian dan Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia. Mereka tiba di negara ini dalam lawatan singkat selama sehari dari Wilayah Persekutuan Labuan.

Ini merupakan lawatan yang pertama dibuat dan bagi pihak Perkhidmatan Pergigian ATPBDB juga buat kali pertama menerima lawatan sejak ia beroperasi.

Ketua rombongan di akhir lawatan juga menanam sepon pokok kelapa sebagai tanda kenangan.

Sejauh ini Perkhidmatan Pergigian Berakas memberikan rawatan pergigian kepada lebih 6,000 anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei belum termasuk ahli-ahli keluarga mereka.

Perkhidmatan ini mempunyai 27 pegawai dan kakitangan seramai anggota tentera dan doktor giginya dipinjam secara kontrak dari United Kingdom.



ROMBONGAN dari Perkhidmatan Pergigian Tentera Malaysia yang diketuai oleh Kolonel Dr. Haji Md. Tarmizi bin Haji Junaidi semasa mengadakan lawatan ke Markas Perkhidmatan Pergigian Berakas Garrison. — Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat semasa menyaksikan Pameran Pendidikan Australia Barat 1996 yang diadakan di Centrepoint, Gadong. — Gambar oleh Amat HM.

NEGARA UTAMAKAN PERKEMBANGAN PENDIDIKAN, TENAGA MANUSIA

Oleh
Haji Dayang HK

GADONG, 1 April. — Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat berkata Negara Brunei Darussalam sangat mengutamakan perkembangan pendidikan dan pelaburan tenaga manusia khususnya selepas mencapai semula kemerdekaan pada tahun 1984.

Negara juga menyedari bahawa kualiti tenaga manusia akan menentukan kejayaan atau kegagalan perkembangan dan kemajuan sesebuah negara. Negara juga percaya kualiti pendidikan tidak akan berlaku begitu saja melainkan ia terdapat berikutan dari kesedaran, pengelangan dan peranan jangka panjang yang terperinci oleh kerajaan.

Timbalan Menteri Pendidikan berkata walaupun Negara Brunei Darussalam telah mengalami perubahan pendidikan yang dramatik sejak mencapai semula kemerdekaan, Kementerian Pendidikan merasakan sudah tiba masanya bagi penilaian semula sebahagian dari sistem dwibahasa demi untuk memberkesakan serta mempergunakan sebaiknya tenaga kerja di negara ini.

Ke arah itu, tambahnya, sejarah dengan tujuan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sistem pendidikan di negara ini kini diarah kepada menyediakan sekurang-kurangnya jangka waktu persekolahan selama 12 tahun bagi semua kanak-kanak di negara ini.

Timbalan Menteri Pendidikan berucap demikian ketika merasmikan Pameran Pendidikan Australia Barat 1996, yang berlangsung di Centrepoint di sini.

Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad menambahkan, demi untuk mengurangkan pembaziran tenaga

manusia dalam sistem pendidikan negara ini, sistem yang agak longgar di mana para pelajar yang kurang maju akan sama-sama berpeluang memajukan diri secara sepenuhnya.

Menurut Timbalan Menteri Pendidikan, menjelang tahun 1977, Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei, B.J.C.E akan diubahsuai dan akan dinamakan sebagai Peperiksaan Penilaian Menengah Bawah. Ini bukanlah bermakna sijil B.J.C.E akan ditiadakan malahan ia bertujuan untuk menyesuaikan pelajaran kepada tiga aliran iaitu, aliran akademik, biasa dan teknikal berdasarkan kepada prestasi mereka dalam peperiksaan B.J.C.E., tambah beliau.

Timbalan Menteri Pendidikan juga berkata, satu lagi perkembangan yang membanggakan baru-baru ini ialah mengenai galakan yang telah diberikan oleh Kementerian Pendidikan dengan memberikan kelulusan bagi lebih banyak sekolah menengah ditubuhkan dan sekolah yang sedia ada diperkembangan. Menurut Dato Seri Laila Jasa, dengan itu nanti ia akan mengurangkan sandaran terhadap kerajaan untuk menyediakan pendidikan menengah dan pasca menengah.

Dari segi pelaburan tenaga manusia, Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Dr. Awang Haji Ahmad berkata Negara Brunei Darussalam memerlukan lebih ramai tenaga mahir dan sehubungan dengan itu menyeru anak-anak Brunei untuk memahami akan keperluan ini dan berusaha terus mencapai hasrat berkenaan.

Juga berucap ialah wakil daripada Pameran Pendidikan Australia Barat dan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Neal Davis.

Sebanyak 11 buah institusi pendidikan tinggi di Australia Barat menyertai pameran yang diadakan selama sehari yang dianjurkan dan difinansikan oleh Kerajaan, sebuah syarikat perunding dan perkembangan tenaga manusia.

Pertandingan Kawad

Oleh
Abdullah Asgar

MUARA, 21 Mac. — Divisen Pangkalan muncul juara di Pertandingan Kawad Antara Divisen Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB).

Tempat kedua ialah Armada dan tempat ketiga disandang oleh Skuadron Bantu. Hadiah-hadiah disampaikan oleh Timbalan Pemerintah ATLDB, Mejar Mahaleh bin Haji Abd. Hamid.

Tahun lalu pertandingan serupa dijuarai oleh Armada. Antara lain tujuan pertandingan bagi meningkatkan mutu kawad dan disiplin di kalangan anggota ATLDB.

Ia juga bagi merebut piala yang disumbangkan oleh bekas Pemerintah ATLDB, Leftenan Kolonel Haji Muhd. Shari bin Haji Ali.

Selalunya dalam satu perbarisan pertandingan ia dianggotai oleh 34 anggota, diketuai oleh seorang pegawai perbarisan terdiri Kompeni Sarjan Mejar (KSM), Kompeni Kuater Master (KKS).

Setiap pertandingan markah-marah akan dinilai pada pergerakan, hukuman dan paksaan. Tahun ini pertandingan bertemakan 'Berdisiplin Melalui Kawad'.

ASEAN sentiasa hadapi cabaran pembangunan

Oleh
Sahari Akim

GADONG, 1 April. — Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Haji Zainal bin Haji Momin berkata, untuk memastikan kestabilan ekonomi dan arah tuju pembangunan kita hendaklah menanganinya dengan betul.

Menurut Awang Haji Zainal negara-negara ASEAN sentiasa menghadapi cabaran pembangunan dan kemajuan dalam menempuh dunia baru abad ke-21.

Katanya untuk menghadapi perkara tersebut kerajaan ASEAN sentiasa mengambil langkah-langkah kerjasama secara meluas.

Awang Haji Zainal berkata demikian ketika berucap merasmikan Bengkel Pembangunan Kepimpinan yang berlangsung di Pusat ASEAN-EC di sini.


Beliau menambah, terdapat banyak perubahan yang memerlukan pihak kerajaan menilai semula peranan yang harus mereka mainkan di negara masing-masing.

Kepimpinan sektor awam jelas Awang Haji Zainal hendaklah sentiasa mengkaji perbandingan perubahan dan seterusnya dibentuk atau ditingkatkan bagi menangani persekitaran sosiopolitik dan ekonomi yang sentiasa berubah.

Beliau menekankan, perkara ini jelas terutamanya dalam konteks ASEAN di mana pihak kerajaan secara umumnya memainkan peranan penting dalam pengurusan pembangunan dan pelaksanaannya.

Bengkel empat hari itu dihadiri oleh 28 orang peserta sektor awam dari kesemua tujuh anggota ASEAN.

Ia dianjurkan oleh Institute Governance Singapore - Canada dengan kerjasama Pusat Pengurusan ASEAN-EC.



PEMANGKU Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Haji Zainal bin Haji Momin ketika hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Bengkel Pembangunan Kepimpinan yang berlangsung di Pusat ASEAN-EC. — Gambar oleh Harun Rashid.

150 kakitangan Shell menunaikan fardu haji

SERIA, 22 Mac. — Penasihat Hal Ehwal Awam Brunei Shell, Awang Haji Hussin bin Ahmad menggesa semua kakitangan Syarikat Minyak Brunei Shell yang akan menunaikan ibadah haji tahun ini supaya terus bersikap sabar dalam menghadapi apa jua rintangan, keperitan dan cabaran yang bakal mereka tempoi sewaktu berada di Tanah Suci nanti.

Menurutnya, bermacam-macam dugaan akan dirasai semasa berada di sana nanti dalam usaha untuk seberapa daya yang diperolehi ganjaran haji yang mabrur. Berucap di majlis doa selamat bagi kakitangan Brunei Shell yang akan menunaikan fardu haji tahun ini yang diadakan di Bilik Ibadah Ibu Pejabat Syarikat Brunei Shell.

Beliau menambah untuk memperoleh ganjaran tersebut, ia bukanlah sesuatu perkara yang mudah tetapi tidak mustahil jika fokus serta konsentrasi ditumpukan sepenuhnya terhadap menyempurnakan ibadah tersebut dengan niat kerana Allah se-

Oleh
Dk. Saidah POA

mata-mata.

Beliau seterusnya mengingatkan mereka supaya membuat segala persiapan yang perlu dari segi mental dan fizikal terutama dengan mendalami lagi ilmu atau amalan ibadah di samping menjaga kesihatan tubuh badan.

Timbalan Pengarah Urusan dan Pengarah Hal Ehwal Korporat Brunei Shell, Dato Paduka Awang Haji Mat Sunny telah menyampaikan cenderahati kepada kira-kira 150 orang kakitangan syarikat itu bersama isteri masing-masing yang akan menunaikan fardu haji tahun ini melalui Skim Bantuan Tambang Haji Brunei Shell.

Majlis diserikan dengan ceramah khas agama oleh pegawai Institut Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Awang Haji Abdul Aziz bin Hanafi.



TIMBALAN Pengarah Urusan dan Pengarah Hal Ehwal Korporat Brunei Shell, Dato Paduka Awang Haji Mat Sunny menyampaikan cenderahati kepada salah seorang peserta yang akan menunaikan fardu haji melalui Skim Bantuan Tambang Haji Brunei Shell. — Gambar ihsan Brunei Shell.

Tingkatkan kursus yang sedia ada

Oleh
Haji Ahmad HS

GADONG, 21 Mac. — Kursus sebulan latihan mengenai Penilaian Rancangan-rancangan Pendidikan Vokasional dan Teknikal yang disertai oleh anggota SEAMEO berakhir hari ini dengan penyampaian sijil di Pusat Serantau SEAMEO-VOC-TECH di sini.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Menteri Pendidikan Thailand yang juga Presiden SEAMEC, Tuan Yang Terutama Tuan Sukavich Rangsitpol yang juga berucap di majlis itu dengan menyeru supaya kursus yang sedia ada hendaklah dipertingkatkan dan diperluaskan dari masa ke semasa.

Di samping itu tambah Tuan Yang Terutama, anggota SEAMEO akan mengambil langkah-langkah yang positif ke arah menyelesaikan masalah-masalah kewangan yang dihadapi oleh pertubuhan itu.

Tuan Yang Terutama kemudian menyampaikan sijil-sijil kepada peserta-peserta kursus yang terdiri daripada Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Thailand, Laos, Republik Indonesia, Republik Singapura, Republik Filipina dan Vietnam.

Kursus sebulan itu adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kecekapan pengurusan pendidikan teknikal dan vokasional dalam operasi program yang lebih berkesan.

Selama sebulan para peserta telah membincangkan empat perkara iaitu mengenai penapisan VTE dan penilaian metodologi, perancangan dan pembentukan rancangan penilaian, pelaksanaan rancangan penilaian dan perkembangan projek.

Dengan adanya penubuhan SEAMEO akan membolehkan anggota SEAMEO menyertai sebarang persidangan dan seminar di mana mereka dapat mengemukakan semua kepintaran bersama dan berkongsi kebaikannya di samping berusaha menyelesaikan sebarang masalah dan mencari jalan untuk mengatasinya.



MENTERI Pendidikan Thailand yang juga selaku Presiden SEAMEC, Tuan Yang Terutama Tuan Sukavich Rangsitpol menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta Kursus Latihan Mengenai Penilaian Rancangan-rancangan Pendidikan Vokasional dan Teknikal. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub PMHH.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap ketika hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Esei Budaya dan Skrip Drama Pentas dan Pembukaan Rasmi Bengkel Penulisan Esei Budaya dan Skrip Drama Pentas/Teater Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. — Gambar oleh Ramli Tengah.

Tradisi tulisan berperanan sebagai alat perutusan minda dan maklumat

BERAKAS, 1 April. — Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Metussin berkata, kesedaran dan keinginan masyarakat kita untuk meluahkan pemikiran dalam bentuk penulisan kini sudah semakin meningkat.

Masyarakat setempat, jelasnya sudah mampu memberikan pertimbangan yang cukup baik tentang nilai ilmu dan budaya baca.

Selain itu, katanya masyarakat kita juga sudah dapat membuat penentuan atau pemilihan yang tepat bahawa selain daripada tradisi lisan atau tradisi oral, tradisi tulisan juga amat berperanan dan berkesan sebagai alat perutusan minda dan maklumat, sama ada secara jelas atau samar.

Beliau menjelaskan demikian ketika memberikan ucapan alu-aluan di Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Esei Budaya dan Skrip Drama Pentas dan Pembukaan Rasmi Bengkel Pe-

Oleh
Zubaidah HS

mulisan Esei Budaya dan Skrip Drama Pentas/Teater Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Di samping itu jelas beliau, dalam arus pertembungan masa kini, kita amat menyedari bahawa kita tidak akan selamanya berpuas hati untuk terus berada sebagai sebuah negara bangsa atau 'nation-state' yang terencil daripada pelbagai perubahan sejagat yang memerlukan komitmen dan strategi yang cukup teratur.

Dalam konteks negara kita, tegasnya, strategi yang dijadikan sebagai benteng terawal dan terakhir ialah dasar negara yang menentukan Negara Brunei Darussalam akan kekal sebagai negara Melayu Islam Beraja yang

menyenaraikan kepentingan demokrasi, keadilan dan kesejahteraan.

Dato Paduka seterusnya berpendapat bahawa apabila dasar negara menjadi bahan perbincangan ataupun alasan untuk mencorakkan sistem pentadbiran, perundangan dan pertahanan yang perlu disuarakan ialah adakah kita sudah sepakat atau membuat 'collective consensus' untuk melihat keperluan-keperluan asasi dalam dasar ini.

Dalam hal ini, hanya dengan kesepakatan yang cukup strategi dan matang sahaja kita mampu menentukan bahawa ianya boleh bertindak sebagai alat yang amat 'vibrant' bagi membentuk negara ini mengikut persepsi dan citarasa kita, serta elok pada pandangan masyarakat antarabangsa, tegas Dato Paduka.

"Persoalan kita ialah apakah kita benar-benar menjadi sebuah negara yang mempunyai tahap pembangunan dan kemajuan yang tinggi da-



lam apa jua bidang sekalipun, atau kita masih tertinggal tiga dekad daripada negara-negara yang telah maju, sekurang-kurangnya dalam konteks keserantauan," jelas Dato Paduka.

Dari itu tegas beliau, segala perencanaan program pembangunan dan perkembangan yang meliputi nilai-nilai fizikal, ilmu dan spiritual hendaklah dipercepatkan kerana tanpa adanya 'speed' yang

Kemahiran dan kepakaran perlu dalam memajukan pertanian

Oleh
Bolhassan HAB

GADONG, 29 Mac. — Para pegawai dan kakitangan yang mempunyai kemahiran dan kepakaran diseru agar memberi khidmat teknikal bagi mendukung kemajuan sektor pertanian selaras dengan hasrat kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi negara, yang mana ianya memerlukan kerjasama di antara Jabatan Pertanian dan pihak swasta.

Ke arah itu, Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Ahmad berharap agar ketua-ketua jabatan dan para pegawai serta kakitangan yang berkenaan bertindak serentak untuk merancang dengan lebih bersepadu dan teliti supaya bilangan pakar yang berkemahiran dan berkebolehan sentiasa mencukupi.

"Bagi pihak swasta mereka harus mengambil dan menggunakan peluang-peluang yang telah diberikan itu dengan sepenuhnya," jelas beliau ketika merasmikan Pelancaran Tamu Bergerak dan Promosi Pokok Buah-buahan Sebagai Elemen Penghias di Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba di sini.

Faedah-faedah dari perlaksanaan tamu bergerak itu, jelas beliau adalah merupakan satu lagi kemudahan pemasaran hasil pertanian tempatan dari pengusaha-pengusaha sama ada secara kecil-kecilan, sederhana dan besar-besaran.

Beliau berkata, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah, sedang dan akan terus-menerus menangani dalam hal keperluan yang difikirkan berpatutan untuk diperbantukan demi untuk meningkatkan lagi hasil pengeluaran tempatan, bukan sahaja untuk kegunaan di dalam negeri bahkan untuk pasaran di seberang laut.

Menyentuh mengenai promosi buah-buahan sebagai elemen penghias, di mana kata beliau, kawalan mutu, ukuran, berat dan rupa haruslah mempunyai taraf yang tinggi yang mana sukatan antarabangsa mestilah dibuat sasaran.

"Perkara ini memang tidak dapat dinafikan kerana ter-

dapat beberapa jenis tanaman buah-buahan memang boleh dijadikan bahan landskap, seandainya bijak mengolah dengan tanaman hiasan lain, ianya juga boleh mengindahkan halaman rumah atau bangunan di samping menikmati hasil buahnya, membendung hakisan dan memulih semula sebahagian alam semula jadi," tambah beliau.

Beliau seterusnya menyeru agar pengusaha-pengusaha akan sentiasa peka dan prihatin terhadap kegiatan-kegiatan yang ada saingnya dengan perusahaan mereka dengan mutu pengeluaran dan penghasilan akan sentiasa berterusan.

Beliau seterusnya menambah, para pengusaha perlu mempunyai ciri-ciri yang positif, proaktif, inovatif dan bermotivasi tinggi terutama dalam era sekarang di mana pergolakan ekonomi semakin pesat dan mencabar.

Pengarah Pertanian, Dato Paduka Dr. Awang Haji Morni bin Othman dalam ucapan alu-aluannya antara lain telah menggariskan tujuan tamu bergerak dan promosi pokok buah-buahan sebagai elemen hiasan itu diadakan.

Tamu bergerak adalah untuk menubuhkan pasaran baru bagi hasil-hasil pertanian. Di samping itu ia juga adalah sebagai skim penggalak kepada para pengusaha pertanian dalam memasarkan hasil pertanian mereka.

Sementara itu promosi industri florikultur bertujuan untuk memperkenalkan jenis pokok buah-buahan yang sesuai untuk ditanam di kawasan rumah sebagai hiasan dan bukan untuk komersil dan bagi menggalakkan orang ramai dalam kempen menanam pokok buah serta menggalakkan semua bangunan kerajaan untuk peka kepada kebersihan alam sekitar.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber, Dato Paduka Awang Haji Ahmad semasa menyampaikan ucapan alu-aluan di Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Esei Budaya dan Skrip Drama Pentas dan Pembukaan Rasmi Bengkel Penulisan Esei Budaya dan Skrip Drama Pentas/Teater Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. — Gambar oleh Amat HM.

dapat memberikan sumbangan yang tinggi kepada bangsa dan negara yang sama-sama kita cintai ini.

Majlis Doa Selamat

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Mac. — Majlis Doa Selamat bagi meraihan lapan orang pegawai dan kakitangan Jabatan Adat Istiadat Negara yang akan menunaikan fardu haji tahun ini berlangsung hari ini di jabatan itu.

Penolong Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ahmad bin Pengiran Mohd. Yusof hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan cenderamata sumbangan ahli-ahli Badan Kebajikan, Kebudayaan dan Sukan, Jabatan Adat Istiadat Negara.

Sebelum itu, Pengerusi Badan Kebajikan, Kebudayaan dan Sukan jabatan itu, Pengiran Hidup bin Pengiran Haji Samudin telah menyampaikan ucapan.



PAKAR Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Profesor Dato Dr. Awang Haji Mahmud Saedon ketika menyampaikan ceramahnya dalam bengkel sehari. — Gambar oleh Ramli Tengah.

Umat Islam perlu bekerjasama untuk kebaikan

Oleh
Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Mac. — Islam memerintahkan umatnya agar bekerjasama di antara satu dengan lain di dalam perkara-perkara yang mendatangkan kebaikan dan kebajikan demi untuk mencapai keredaan Allah dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Ini dijelaskan oleh Pakar Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Profesor Dato Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman ketika menyampaikan ceramah khasnya yang berjudul 'Salat Jemaah' kepada pegawai-pegawai masjid senegara di Masjid Omar Ali Saifuddin di sini.

Mereka adalah dalam menghadiri Bengkel Pegawai-pegawai Masjid Ke-10 yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid di Kementerian berkenaan.

Menurutnya lagi, setiap mukmin adalah anggota satu keluarga yang besar dalam suatu gagasan persaudaraan Islam sejagat. Islam bukan saja menghubungkan manusia dengan Allah, tetapi juga menghubungkan sesama manusia dan juga makhluk Allah yang lain.

"Dalam hubungan ini, Islam mensyariatkan sembahyang berjemaah sebagai salah satu cara untuk mendukung dan melaksanakan nilai dan prinsip-prinsip yang telah disebutkan," tambah beliau selanjutnya.

Di zaman awal perkembangan Islam selepas Hijrah, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah mendirikan masjid pertama umat Islam di pinggir Madinah iaitu Masjid Quba'.

Ia sebagai pusat ibadah, lambang kekuatan, perpaduan dan ketakwaannya, tempat bersembahyang jemaah dan pusat kegiatan masyarakat Islam di sana.

Tambahnya lagi, di antara langkah pertama yang diambil oleh Baginda untuk memperkukuh kedaulatan negara Islam pertama ini ialah mendirikan masjid yang terkenal Masjid Al-Madinah atau Al-Masjid An-Nabawi.

"Peranan masjid ini seperti juga Masjid Quba' dan lain-lain lagi bukan saja untuk

menjadikan pusat ibadah dan bersembahyang jemaah saja malahan lebih luas dari itu walaupun sembahyang jumaat dan jemaah adalah menjadi tuntutan syarak untuk dilakukan di masjid," jelas beliau.

Adapun fadilat berjemaah katanya, ianya melambangkan perpaduan mengukuhkan umat Islam dan keeratuan persaudaraan. Ianya merupakan salah satu cara untuk menjalin persefahaman dan

mengikat rasa kasih sayang di antara umat Islam. Adalah jelas bahawa berjemaah meningkatkan dan menambatkan lagi kefahaman pegawai-pegawai masjid kepada banyaknya fadilat sembahyang berjemaah itu.

Di samping itu ianya boleh menambah keimanan, ketakwaan dan amalan beragama di kalangan pegawai-pegawai masjid. Selain menjalankan tugas mereka sebagai imam atau bilal.

Tumpu perhatian terhadap unsur-unsur kualiti


Oleh
Abdullah Asgar

GADONG, 26 Mac. — Pengarah Pengangkutan Darat, Awang Haji Hamidon bin Haji Mohd. Tahir berkata dan menyeru semua pegawai dan kakitangannya untuk mengintegrasikan dan menggabungkan tenaga dalam melaksanakan apa-apa jua tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

"Kejayaan kita dalam mengendalikan tugas akan mencerminkan imej yang baik, jikalau sesuatu tugas boleh dilaksanakan berjalan baik dan lancar serta mendapat sambutan yang memuaskan daripada kakitangan keseluruhannya," ujar Awang Haji Hamidon.

Beliau menyuarakan perkara tersebut di Majlis Doa Selamat Bakal-bakal Haji bagi jabatan tersebut yang berlangsung di Gadong di sini.

Menurutnya, begitu jua halnya dengan penerimaan orang ramai. Mereka hanya akan berpuas hati dengan perkhidmatan kita bila mana layanan itu mempunyai kua-



PENGARAH Pengangkutan Darat, Awang Haji Hamidon ketika menyampaikan cenderamata kepada salah seorang bakal-bakal haji jabatannya. — Gambar oleh Hj. Masmaleh HMA.

liti yang memuaskan lagi berkesan.

"Kita perlu memberikan perhatian terhadap unsur-unsur kualiti, efisiensi, sikap pemedulian bila berhadapan dengan orang ramai," tegasnya.

Seramai lapan orang pegawai dan kakitangan dari jabatan berkenaan akan menunaikan fardu haji tahun ini. Para bakal haji juga menerima cenderamata dari tetamu kehormat.

Matlamat negara untuk mencapai satu juta pelancong pada tahun 2000

TUNGKU, 27 Mac. — Ketua Unit Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Syeikh Jamaluddin bin Syeikh Mohammed berkata bahawa matlamat negara untuk mencapai satu juta pelancong pada tahun 2000 pasti akan tercapai sekiranya semua pihak termasuk orang ramai di negara ini sedar mengenai dengan faedah-faedah industri pelancongan.

Mewujudkan kesedaran awam mengenai faedah-faedah industri ini adalah salah satu perancangan jangka pendek pihaknya dalam mempromosikan industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam.

"Pihak kami mahu memupuk kepercayaan orang ramai terhadap diri mereka sendiri, kepercayaan untuk memelihara alam sekitar, kepercayaan tentang faedah-faedah pelancongan dan juga kepercayaan terhadap komitmen kerajaan dalam membangunkan industri pelancongan," jelas Syeikh Jamaluddin ketika menyampaikan taklimat mengenai pelancongan kepada lebih 50 orang pensyarah dan mahasiswa-mahasiswa Universiti

Oleh
Zubaidah HS

Brunei Darussalam yang berlangsung di universiti itu.

Taklimat ini dianjurkan oleh Unit Pelancongan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan kerjasama Jabatan Geografi Universiti Brunei Darussalam.

Objektif utama taklimat ini diadakan menurut Syeikh Jamaluddin ialah untuk menggalakkan penuntut-penuntut di negara ini menghargai faedah-faedah pelancongan dan juga memberitahu mengenai tujuan-tujuan serta sebab-sebab mengapa kerajaan negara ini amat menjurus kepada bidang industri pelancongan.

Di dalam industri ini sendiri, terdapat banyak peluang-peluang pekerjaan yang patut diceburi oleh para penuntut kelak dan ianya adalah lebih cerah memandangkan ianya merupakan industri 'labour intensive', tegasnya.

Dari itu tegasnya lagi, generasi muda pada hari ini patut mengambil sikap yang lebih positif dalam menjadikan mereka sebagai masyarakat yang bertanggungjawab dan progresif.

Para pelajar di negara ini juga, jelasnya harus mengambil iktibar seperti mempunyai sikap yang positif, bersopan santun dan berbudi bahasa dan lebih yakin dan keprihatinan (caring).

Dalam pada itu mereka juga harus lebih sensitif terhadap alam semula jadi serta bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Orang ramai khususnya para pelajar, jelas Syeikh Jamaluddin, juga patut memberikan petanda yang positif dan bangga terhadap negara mereka sendiri di samping menambahkan lebih banyak pengetahuan mengenai industri pelancongan melalui buku dan majalah atau melibatkan diri di dalam industri ini.

Di majlis taklimat itu para pensyarah dan mahasiswa juga menyaksikan tayangan video mengenai pelancongan di negara ini di samping sesi soal jawab.



KETUA Unit Pelancongan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Syeikh Jamaluddin bin Syeikh Mohammed semasa menyampaikan taklimat mengenai pelancongan kepada lebih 50 orang pensyarah dan mahasiswa Universiti Brunei Darussalam. — Gambar oleh Halim HS.

BERITA DAERAH ... BERITA DAERAH ... BERITA DAERAH ...

Bertaubat sebelum berangkat ke Tanah Suci

LUMUT, 17 Mac. — Pegawai Pusat Da'wah Islamiyah, Dr. Awang Haji Abd. Aziz bin Hanafi berkata taubat sangat dituntut setiap detik dan saat tetapi untuk keberangkatan ke Tanah Suci, bentuk dan gaya taubat agak menggerunkan kerana keselamatan dalam perjalanan pergi dan balik dari Tanah Suci merupakan ketentuan Allah.

Oleh yang demikian katanya, kepergian bakal jemaah haji ke sana dengan membawa bekal kain ihram merupakan mukadimah sebagai kain kafan untuk membalut seluruh tubuh badan semasa menemui Allah.

Sehubungan itu beliau mengingatkan mereka supaya melakukan lebih banyak ibadat daripada membeli-belah sebagaimana Sunnah Rasulullah, berucap menyampaikan syarahan khas di Majlis Penutup Kursus Haji dan Doa Selamat kepada bakal jemaah haji kawasan Mukim Seri, Sungai Liang dan Lumut yang diadakan di Masjid Zainab.

Dr. Awang Haji Abd. Aziz seterusnya menerangkan, semasa di sana nanti berbagai cabaran yang mereka hadapi umpamanya berbagai kejadian ganjil dan tabiat kelakuan manusia akan dapat disaksikan, dari itu beliau mengingatkan agar mereka jangan bersikap sombong atau angkuh dan jangan sekali-kali mempersenda atau memperolok-olokkan bukan saja sesama manusia walhal makhluh lain seperti binatang pun haram disergah kecuali binatang yang merbahaya.

Ini kerana segala perbuatan zahir mahupun batin akan dibalas serta-merta (tunai). Dari itu tambahnya untuk mendapatkan haji mabrur bukanlah mudah, segala perkara yang diajarkan melalui kursus seperti rukun, wajib dan sunat haji, itu tidak mencukupi bahkan ia mesti ditambah dengan hati yang reda dengan hukum Allah.

Menurut Kitab Elhiyah Al-Muhdin katanya 600,000 orang yang menunaikan ibadah haji, cuma yang diterima haji mabrur hanya enam orang kerana yang menimbang dan menilai kerja amal manusia ialah Allah bukan manusia.

"Untuk mendapat haji mabrur tidak semestinya orang itu khatam satu kitab Al-Quran, tetapi yang penting dan mesti ialah keikhlasan hati walaupun cuma menyebut 'Allah' atau apa sahaja zikir yang hanya diketahui di samping melepaskan binatang peliharaan yang dikurung di dalam sangkar, jika tidak binatang berkenaan akan menyempah maka ia akan menjelaskan dari memperoleh haji yang mabrur," ujar beliau.

Beliau seterusnya berkata apa yang penting bawalah hati bersama anggota zahir untuk mengerjakan haji kerana Allah Subhanahu Wataala. Insya Allah kesudahannya haji yang mabrur, yang berkeabajikan yang diterima, tidak ada balasan yang setimpal dengannya melainkan syurga Allah Subhanahu Wataala.

Oleh yang demikian tambahnya untuk mengetahui atau mengesan haji mabrur atau tidak, sebagai saja balik ke negeri masing-masing, segala perjumpaan dengan Allah dan Rasul semasa di Mekah dan Madinah masih segar membasahi bibir mulut dan hati sudah mahu cinta dan sayang pada apa saja bentuk kebajikan dan mula membenci segala

Dk. Saidah POA
melaporkan dari
Daerah Belait

bentuk kemungkaran. Jika perkara ini berlaku insya Allah, katanya ianya sebagai petanda bahawa haji itu sebagai haji mabrur.

Tetapi jika sebaliknya, masih mengulangi perbuatan yang ditegah oleh Allah, percayalah haji itu bukannya haji yang mabrur tetapi haji yang mardut yang ditolak oleh Allah.

Dari itu beliau berharap semoga Allah mengurniakan haji yang mabrur, dosa yang terampun sepertimana anak damit yang baru dilahirkan di samping kerja usaha diberkati Allah, amalan diterima dan perniagaan yang diniagakan dengan Allah dapat ganjaran berlipat kali ganda.



PEGAWAI Pentadbir Kanan Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pah-lawan Tudin semasa membuka rasmi Pejabat Kajiucua di No. 330, Simpang 27 Jalan Maulana, Kuala Belait sempena Hari Kajiucua Sedunia pada 23 Mac, 1996 yang lalu. — Gambar oleh Ramli Tengah.

Kita berkemampuan membentuk dan membangun masyarakat yang bersatu padu

SERIA, 24 Mac. — Pegawai Pentadbir Jabatan Daerah Belait, Awang Hasmiron berkata sama ada kita sedari atau tidak, sebenarnya kita berkemampuan untuk membentuk dan membangun masyarakat yang bersatu padu, bekerjasama bermuafakat dan bertanggungjawab terhadap masyarakat.

Ini sesuai dengan apa yang dihasratkan oleh negara dalam proses membangun masyarakat iaitu untuk melahirkan imej negara yang indah melalui kerukunan, kesejahteraan, keamanan dan keharmonian hidup berke-luarga, bermasyarakat dan bernegara, jelasnya di Majlis Ramah Mesra sempena Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baru Cina serta Persatuan Orang-Orang India dan Iban

Mukim Setia yang diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Vokasional Lorong Tiga.

Beliau menambah, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah, sedang dan akan sentiasa menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, pembangunan dan budaya kehidupan rakyat negara ini sebagai landasan pembangunan masyarakat.

"Tidaklah dapat disangkal dan dinafikan bahawa masyarakat Cina, India dan Iban dan berbagai kaum di Mukim ini telah dapat hidup aman dan damai di kalangan masyarakat Melayu dan bangsa-bangsa lain di daerah ini," jelasnya.

Kejayaan keadaan seperti itu katanya, sedikit sebanyak adalah hasil daripada kerjasama dan usaha-usaha yang gigih dari semua pihak dan kaum terutama sekali anak-anak buah kampung dalam menyatupadukan masyarakat di mukim ini dalam menaici cita-cita dan hasrat kerajaan yang ingin melihat rakyat dan penduduk di negara ini hidup dalam keadaan aman dan damai, makmur dan bahagia.

Beliau seterusnya menyeru penduduk-penduduk yang berbilang kaum di mukim ini agar sama-sama menjaga keselamatan, keamanan dan juga bekerjasama dengan pihak yang berwajib dalam perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan kerajaan seperti kes-kes jenayah dan penjualan minuman keras tanpa kebenaran supaya kesejahteraan hidup individu, bermasyarakat dan bernegara akan dapat dipelihara serta memberi sokongan yang padu dan sama-sama mendukung apa jua usaha-usaha kerajaan.

Beliau juga menyeru lapisan masyarakat tanpa mengira umur, bangsa, agama, kaum dan puak untuk sama-sama bekerjasama dan hidup bermasyarakat dengan menanamkan sikap tolong-menolong, bantu-membantu dan hormat-menghormati jiran tetangga demi untuk membentuk masyarakat yang bahagia dan sejahtera.

Beliau berharap segala sikap negatif seperti sifat dengki-mendengki, fitnah-memfitnah, hina-menghina dan musuh-bermusuhan di antara satu dengan yang lain yang mana perkara tersebut dilarang oleh agama dan juga akan merugikan semua pihak.

Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Lorong Tiga Selatan, Awang Haji Zulkiflee selaku pengerusi majlis berkata, Majlis Perundingan Kampung Lorong Tiga Selatan mengadakan majlis seumpama itu untuk menyatupadukan pen-

diduk dan orang ramai supaya hidup berbaik-baik, aman damai, bahagia dan cinta kepada negara, taat kepada raja yang tidak berbelah bahagi. Oleh yang demikian, beliau berharap ianya jangan disalah anggap atau disalah pengertian matlamatnya.

Di samping itu katanya, ahli Majlis Perundingan Kampung juga sentiasa peka terhadap masalah anak buah kampung, oleh yang demikian tambahnya sekiranya para penduduk kampung itu mempunyai masalah, mereka hendaklah mengetengahkan kepada Majlis Perundingan Kampung.

Beliau seterusnya menerangkan beberapa kegiatan yang akan diusahakan oleh Majlis Perundingan Kampung itu pada tahun ini antaranya menanam pokok beramai-ramai di Tanah Perkuburan Al-Naeem dan larian dan nyanyian amal bagi mengutip derma bagi membina surau di kampung tersebut.

Majlis tersebut diserikan dengan persembahan nyanyian, tari dari kaum-kaum yang ada di mukim itu serta cabutan nombor bertuah dan penyampaian hadiah pertandingan lampu-lampu cucur rumah-rumah di kawasan kampung itu dan lagu-lagu karaoke.

Kursus PRS membentuk sebagai pelajar contoh

KUALA BELAIT, 11 Mac. — Seramai 50 orang pelajar sekolah dan maktab di daerah ini menjalani Kursus Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) bagi memimpin dan membimbing rakan mereka yang mempunyai masalah di sekolah.

Kursus selama tiga hari dianjurkan oleh Unit Kaunseling dan Bakat Kerja, Jabatan Sekolah-Sekolah yang diadakan di Sekolah Menengah Kampong Pandan.

Kursus tersebut dihasratkan agar para peserta akan dapat membimbing diri mereka sendiri iaitu sebagai pelajar contoh di samping itu mereka juga diharap akan dapat menyerapkan kepada rakan-rakan mereka yang paling akrab serta membantu pelajar-pelajar yang mempunyai masalah

29 orang
penuntut
ikuti
Kursus PRS

Aliddin HM
melaporkan dari
Daerah Temburong

TEMBURONG, 26 Mac. — Seramai 29 orang penuntut menengah dua hingga menengah empat Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar telah mengikuti Kursus Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) anjuran Unit Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja, Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan yang berlangsung di sekolah berkenaan di sini.

Kursus tiga hari itu bertujuan untuk membina pasukan PRS yang terlatih dalam memberi pertolongan kepada rakan-rakan, melatih PRS dalam kemahiran asas yang membolehkan mereka berinteraksi dengan berkesan dengan rakan dan individu, membina satu perkhidmatan sokongan dalam bidang bimbingan dan kaunseling untuk mengisi pertambahan tuntutan dalam khidmat ini dan membantu pihak sekolah dalam mengatasi masalah, salah-laku secara tidak formal dengan menggunakan pengaruh positif PRS.

Di samping itu PRS mempunyai matlamatnya iaitu menolong mengurangkan masalah disiplin di sekolah, membina budaya kasih mesra dan bantu-membantu di kalangan para pelajar, memupuk menjadi orang dewasa yang peka, bertimbang rasa dan rela menolong, yang hidup dalam satu masyarakat yang majmuk dan membina para pelajar yang yakin diri dan mempunyai nilai-nilai murni berasaskan kepercayaan kepada Tuhan.

Para peserta yang mengikuti kursus ini akan didedahkan dengan beberapa aspek bimbingan dan kaunseling, pembimbing rakan sebaya, komunikasi, kaunseling kelompok, penerokaan sendiri, kemahiran asas kaunseling dan pelan tindakan.

Para pengkursus terdiri daripada Awang Haji Hirmond bin Haji Alias dan Awang Haji Shari bin Haji Ismail dari Unit Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja.

Sebelum ini Kursus Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) telah diadakan di ketiga-tiga daerah di negara ini yang tertumpu kepada sekolah menengah.

di sekolah.

Selama kursus, para peserta didedahkan dengan beberapa tajuk utama seperti kemahiran asas kaunseling, komunikasi, pelbagai hal ehwal bidang bimbingan dan kaunseling. Di samping itu pertunjukan gambar slaid yang memaparkan langkah-langkah dan peraturan yang patut diamalkan oleh setiap pembimbing dalam memberikan perkhidmatan mereka juga ditayangkan.

Selain daripada itu mereka juga diberikan latihan secara kelompok dan aspek cara bertindak yang berkesan dalam menghadapi masalah khusus juga turut dibuat bagi mengkaji kebolehan peserta dalam melaksanakan amanah yang dipikul nanti.

Para penuntut perlu teliti dalam memilih pekerjaan

Oleh
Bolhassan HAB

GADONG, 1 April. — Sambutan orang ramai khususnya para pelajar dari seluruh negara terhadap Pameran Kerjaya sangat menggalakkan. Pameran selama dua hari yang bermula pada 1 hingga 2 April yang baru lalu telah dirasmikan oleh Penolong Pesuruhjaya Kanan Polis, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman bin Hamid.

Dalam ucapan perasmian-nya Dato Seri Laila Jasa menyeru para penuntut agar lebih teliti dalam memilih bidang pekerjaan. Jika sekiranya para penuntut tersalah membuat pilihan, tegas beliau sudah tentu akan menjejaskan peluang kerjaya tersebut.

Beliau seterusnya menasihatkan para penuntut, "sebelum membuat pilihan, penuntut-penuntut hendaklah berjumpa dengan pihak-pihak universiti atau badan-badan profesional bagi mem-

bincangkan dan mendapatkan keterangan dalam bidang yang akan diceburi."

Di samping itu beliau juga berharap agar para penuntut lulusan luar negara jangan memilih kerja, hanya semata-mata untuk bekerja dengan kerajaan dan tidak mahu bekerja dengan swasta.

Pameran yang diselenggarakan dengan ceramah kerjaya itu dianjurkan oleh Jabatan Bimbingan dan Kaunseling, Majlis Pelajar dan Pembimbing Rakan Sebaya yang berlangsung di Dewan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Rimba, Gadong dengan tema 'Ke Arah Perkembangan Potensi Awda.'

Seorang pelajar dari salah sebuah sekolah menengah di

ibu negara yang berkunjung ke pameran itu, ketika ditemubual, menyarankan agar pameran seumpama itu akan dibuat secara berterusan oleh pihak penganjur.

"Saya harap pihak penganjur akan mengadakan pameran seperti ini secara berterusan di masa-masa akan datang," jelas seorang pelajar yang enggan disebutkan namanya.

Agensi-agensi kerajaan yang mengambil bahagian dalam pameran tersebut ialah Jabatan Kerja Raya, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Institut Pendidikan Sultan Hassan Bolkiah, UBD, Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Lain-lain agensi ialah Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Brunei Shell, Hongkong Bank, British Council, Sheraton Utama Hotel dan Avesta Printing dan Trading.



PENOLONG Pesuruhjaya Kanan Polis, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman bin Hamid semasa menyaksikan Pameran Kerjaya yang berlangsung di Dewan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Rimba, Gadong.

PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA....

PENDAPAT yang terpilih minggu ini dari tajuk yang telah kami kemukakan iaitu "PENGHAYATAN TERHADAP PELAJARAN SASTERA PENTING DALAM PASCA DUNIA MODEN". Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

S EORANG pelajar haruslah mempelajari sedikit sebanyak tentang pelajaran sastera kerana ianya sangat berguna kepada kita dan dapat memahami akan hal keadaan sesuatu itu melalui penghayatan kita sendiri. Oleh itu pelajaran sastera adalah sangat penting dalam pasca dunia moden.

Memandangkan pelajaran sastera ini banyak mengandungi perkataan-perkataan yang simbolik, sukar bagi kita untuk memahami hal keadaan tersebut. Sementara kita menghayatinya kita akan dapat lagi menambahkan pengetahuan tentang bahasa yang mendalam. Setelah kita fahami akan teknik bahasa sastera kita akan merasa berminat untuk menghayatinya lebih mendalam lagi dari yang berbentuk sajak mahu pun cerpen, yang mana mengandungi unsur-unsur nasihat dan sebagainya.

Pada mulanya pelajaran sastera ini amat sukar untuk difahami bagi seseorang pelajar akan tetapi setelah kita berusaha sekian lamanya dengan hati yang tabah kita memperoleh kejayaan yang lebih mendalam dengan semangat yang berkobar-kobar. Menghayati pelajaran sastera amat menyeronokkan terutama sekali apabila kita menghayati keadaan seorang nelayan kepada seorang petani, oleh itu kita akan lebih memahami keadaan di dalam pasca dunia zaman dulu dan di dalam pasca dunia moden ini.

Walaupun dunia moden ini dibanjiri dengan bermacam-macam pergaulan dan budaya, seorang yang berjaya seni tidak akan terpengaruh dengan hal keadaan yang mereka ketengahkan itu bahkan mereka akan mendapat bermacam-macam ilham dari pergaulan dan budaya itu kerana mereka dapat menghayati ragam seseorang itu melalui mata kasar mereka tentang hal keadaan yang sebenarnya.

Mungkin setengah golongan muda kurang mengetahui tentang pelajaran sastera, ianya terbukti dalam penggunaan bahasa melalui percakapan dengan orang tua mahupun sesama mereka sendiri. Mempelajari pelajaran sastera ini juga boleh membawa seseorang itu kepada hidup yang berbudi pekerti yang sangat dihormati dan mengajar kita hidup bersopan santun kepada seluruh masyarakat dan berakhlak mulia.

Tanpa mempunyai pengetahuan yang baik dalam bidang kesasteraan maka adalah sukar bagi kita untuk menghayati sebuah sajak atau sebuah puisi itu terutama sekali pemahaman dari aspek corak, aliran, bentuk maksud dan sebagainya.

Oleh itu bagi untuk memperluaskan lagi penghayatan pelajaran sastera ini kita hendaklah mengadakan peraduan menulis cerpen, sajak, novel dan lain-lain genre sastera bagi menyedarkan orang ramai betapa pentingnya pelajaran sastera di pasca dunia moden ini.

Bagi mengelakkan kebencian terhadap pelajaran sastera, kita adakan satu kelab untuk menarik perhatian mereka

di samping menambah kepekaan mereka kepada generasi muda kerana mereka akan menjadi tonggak negara masa akan datang.

Dayang Aini binti Haji Hamid,
No. 12, Jalan 68, Simpang 33,
Kampong Perpindahan Lambak Kanan, 3690.

S EJAK dahulu lagi pelajaran sastera telah diajarkan kepada murid-murid sekolah menengah mahupun penuntut-penuntut di institusi pengajian tinggi. Penghayatan terhadap pelajaran sastera amat penting dalam pasca dunia moden walaupun pada zahirnya pelajaran sastera tidak menonjolkan kepentingannya dalam pemodenan sesebuah negara berbanding dengan pelajaran yang berunsurkan sains dan teknologi.

Di dalam pelajaran sastera sebenarnya terkandung pelbagai mesej yang boleh dijadikan panduan dan teladan untuk kita menghadapi dunia yang semakin mencabar. Penghayatan terhadap pelajaran sastera secara tidak langsung akan memupuk nilai-nilai murni dalam jiwa seseorang insan.

Justeru itu lahir generasi yang berakhlak mulia dan berjaya kental. Ini adalah kerana di dalam pelajaran sastera diselitkan nilai-nilai murni melalui cerita-cerita teladan, sajak, pantun dan sebagainya.

Sebagaimana yang kita maklum dunia moden dan kehidupan masyarakat semakin berubah. Manusia leka mengejar kekayaan dunia tanpa menghiraukan batas-batas kehidupan. Maka di sinilah terselahnnya peranan dan kepentingan penghayatan terhadap pelajaran sastera. Mesej yang berunsurkan nasihat secara tidak langsung mengingatkan kita dari terus diperagakan oleh kekayaan dunia yang sementara.

Oleh yang demikian kita janganlah mengenyepikan atau mengabaikan pelajaran sastera dari terus dihayati. Kita perlu sedar bahawa penghayatan terhadap pelajaran sastera penting demi untuk melahirkan generasi berakhlak mulia, berilmu, berwawasan dan seterusnya akan menjamin kestabilan negara. Kestabilan sesebuah negara tidak akan bertahan andainya masyarakat dalam negara tersebut tidak bermoral.

Dayang Vivi Hairani binti Haji Judin,
No. 10 Simpang 182-37,
Kampong Batang Tuau,
Temburong 8190.

D ALAM beberapa tahun kebelakangan ini, pelajaran sastera adalah antara mata pelajaran yang agak penting yang diajarkan kepada pelajar-pelajar sekolah melalui Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. Seperti juga dengan mata pelajaran lain Inggeris, matematik ataupun sains, penghayatan terhadap mata pelajaran sastera juga penting di dalam era zaman moden yang serba mencabar ini.

Pelajaran sastera seharusnya bukan sekadar diulang-kaji semasa berada di tempat-tempat yang tertentu sahaja malah

TAJUK-TAJUK AKAN DATANG

1. 'Atasi Gejala Sosial Menerusi Kualiti Kekeuargaan.' Tarikh tutup 14 April, 1996.
2. 'Mencegah Jenayah Tanggungjawab Semua.' Tarikh tutup, 21 April, 1996.
3. 'Belia Perlu Bersikap Proaktif dan Berfikir Global.' Tarikh tutup, 28 April, 1996.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 250 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Pendapat Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, 2041,
Negara Brunei Darussalam.

teladan dan pengajaran yang terdapat dalam suatu karya itu hendaklah diambil ingatan dan menghayatinya.

Pelajaran ini juga tidak sepatutnya untuk kita membacanya secara suka-suka sahaja tetapi haruslah dengan cara penghayatan yang mendalam agar kita dapat memahami dengan lebih luas dan penuh bermakna.

Ini adalah kerana ada segelintir masyarakat terutama sekali para pelajar, hanya mengikuti pelajaran sastera ini secara suka-suka atau kata pepatah Melayu 'lepas tangan' sahaja pada hal ini akan merugikan diri mereka sendiri di masa akan datang.

Pada masa ini terdapat penulis-penulis yang masih lagi giat berusaha demi untuk memajukan pelajaran sastera ini agar lebih diminati dengan cara mengubah sedikit cara penghayatannya agar lebih menarik dan mendorong peminat-peminat pelajaran ini untuk terus mengikuti pelajaran sastera ini dari masa ke semasa.

Dengan pelajaran sastera juga kita akan dapat berinteraksi secara lebih teratur dan sedikit sebanyak akan dapat mendedahkan kita kepada masyarakat sekeliling dengan lebih rapat lagi. Oleh itu janganlah kita sebagai generasi muda mengabaikan pelajaran sastera ini demi untuk kemajuan diri kita sendiri dan negara di masa hadapan.

Awang Rosaimi bin Duraman,
No. 2305, Kampong Junjongan,
Jalan Limau Manis/Lumapas.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha ketika berkenan menerima mengadap Puan Mary Chee Bee Kiang, isteri Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Republik Singapura di Istana Nurul Iman.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika berkenan menerima mengadap Puan Mary Chee Bee Kiang, isteri Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Republik Singapura di Istana Nurul Izzah.

Nilai-nilai tradisional penting dalam hadapi pengaruh asing

Dari muka 1

kepada golongan muda bagi menentukan masa depan negara-negara berkenaan tetapi sebahagian daripada tanggungjawab pada menentukan masa depan tersebut sudah tentunya terletak kepada generasi yang ada pada masa kini dalam membantu mereka menuju ke arah yang dihasratkan.

Persidangan AMRI Kali Keempat ini telah dirasmikan pembukaannya oleh Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Goh Chok Tong di salah se-

buah hotel terkemuka di republik tersebut.

Rombongan Negara Brunei Darussalam ke persidangan tersebut termasuk Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badaruddin; Pengarah Radio dan Televisyen Brunei, Pengiran Dato Paduka Haji Badaruddin; Pengarah Penerangan, Awang Haji Hazair dan beberapa orang lagi pegawai kanan dari Jabatan-jabatan Perdana Menteri, Radio dan Televisyen, Penerangan dan Pejabat Penasihat Khas.

Persidangan AMRI selama dua hari itu telah diadului oleh Mesyuarat AMRI pada

peringkat pegawai-pegawai kanan (AMRI-SOM) yang berlangsung selama tiga hari dalam mana rombongan Negara Brunei Darussalam telah diketuai oleh Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badaruddin, sebagai persiapan kepada Persidangan AMRI Peringkat Menteri.

Dalam ucapan beliau seterusnya, Yang Berhormat juga melahirkan harapan agar penubuhan beberapa projek yang dicadangkan oleh AMRI seperti ASEAN Satellite Channel dan Regional Information dan Databank System (RIDAS) itu nanti akan dapat merealisasikan matlamat

ASEAN untuk meningkatkan perpaduan di kalangan ASEAN di samping untuk meningkatkan imej dan kefahaman mengenai ASEAN di rantau ini dan di arena antarabangsa.

Untuk membolehkan tindakan susulan dibuat ke atas projek-projek yang dicadangkan di samping untuk mengemaskinikan pengetahuan dan maklumat berhubung dengan bidang penyiaran dan penerangan yang sentiasa berkembang pesat itu, Yang Berhormat menyarankan agar AMRI mengadakan mesyuarat tidak rasmi pada peringkat pegawai kanan dan malahan juga pada peringkat menteri jika perlu. Ini, kata Yang Berhormat adalah memandang bahawa Persidangan AMRI berlangsung hanya sekali dalam dua tahun. Mesyuarat tidak rasmi itu dicadangkan agar diadakan dalam tempoh setelah persidangan AMRI yang telah diadakan dan sebelum Persidangan AMRI seterusnya.

Sementara itu, dalam ucapan perasmian Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Goh Chok Tong antara lain telah menyatakan bahawa dalam kita cuba meningkatkan kemakmuran dengan memanfaatkan teknologi terbaharu di bidang penyiaran dan penerangan, kita tidak dapat mengelakkan diri daripada ancaman dan perkara-perkara yang tidak diinginkan yang terkandung dalam teknologi tersebut seperti gambar-gambar lucu, kata-kata hasutan, unsur-unsur keganasan dan sebagainya.

Keadan ini, katanya memerlukan adanya perseimbangan di antara mudahnya untuk mendapatkan maklumat dengan perlunya kita mempertahankan nilai-nilai

yang terdapat dalam masyarakat.

Mesyuarat AMRI kali keempat berakhir dengan para menteri bersetuju untuk meningkatkan kerjasama bagi menangani maklumat baru untuk kebaikan ASEAN. Mereka bersetuju supaya diadakan sekumpulan pakar teknikal ASEAN yang akan bermesyuarat di Kuala Lumpur dan menghadapkan laporan mengenai penubuhan sebuah saluran satelit ASEAN. Saluran berkenaan nanti akan merupakan satu kerjasama di antara pihak-pihak kerajaan dan sektor-sektor swasta ASEAN dengan tujuan memanfaatkan pengetahuan, kepakaran dan sumber-sumber yang ada dalam bidang perhubungan satelit.

Para menteri bersetuju bahawa ASEAN perlu menghadapi cabaran-cabaran dan mengambil peluang-peluang yang ditawarkan melalui media terutama sekali Internet. Mereka berpendapat bahawa ASEAN harus berkongsi kepakaran dan bekerja

sama dalam memikirkan langkah-langkah yang perlu diambil dalam menghadapi cabaran-cabaran ini.

Menteri-menteri ASEAN Yang Bertanggungjawab Bagi Penerangan juga bersetuju untuk membentuk dan mengembangkan lagi ASEAN Web dalam Internet. Menurut mereka, ASEAN-Web akan memberikan liputan yang meluas manakala rangkaian-rangkaian yang lebih khusus juga akan diadakan dengan hubungan-hubungan yang secara langsung dibuat kepada 'homepage' yang diadakan oleh setiap negara.

Para menteri juga bersetuju supaya satu forum bagi pihak-pihak berkuasa undang-undang diadakan dalam tempoh setahun ini di Republik Singapura untuk berkongsi pengalaman dalam membuat pendekatan-pendekatan terhadap Internet dan kemajuan-kemajuan yang lain dalam teknologi maklumat untuk dipertimbangkan nanti oleh Kerajaan ASEAN dalam menangani Internet.

Sambungan dari muka 1

Mengenai dengan 'financial constraint', Yang Berhormat seterusnya menegaskan, ianya tidak sepatutnya dijadikan sebagai alasan walaupun diakui sulit untuk tidak mengembangkannya dunia perdagangan dan perniagaan. "Malah ianya boleh dijadikan sebagai satu landasan bagi membuka fitrah yang rasional dalam mengembangkannya hubungan joint-venture dengan kumpulan niaga negara sahabat."

Yang Berhormat percaya DPPMB akan dapat meng-

ambil kira perkara itu sebagai suatu pertumbuhan yang akan mengenalkan identiti-nya sebagai tunggak per-juangan perdagangan dan perniagaan masyarakat Melayu Brunei.

Yang Dipertua DPPMB, Dato Paduka Awang Haji Abd. Hapidz dalam ucapan alu-aluan menyeru ahli-ahli dewan agar membuang sifat lihat dan tunggu dan status 'advanced developing nation' berkehendakkan daya kreatif dan daya cipta.

SELAMAT MENUNAIKAN IBADAT HAJI SEMOGA MENDAPAT HAJI YANG MABRUR